

## **BAB TIGA**

### **LATAR BELAKANG MASYARAKAT CINA NEGERI TERENGGANU DAN PENGALAMAN APLIKASI DIALOG KEHIDUPAN SEBELUM KONVERSI.**

#### **3.0 Pendahuluan**

Bab ini membahaskan secara khusus tentang objektif yang kedua iaitu pengalaman aplikasi dialog kehidupan sebelum konversi agama Islam. Justeru antara perkara yang disentuh ialah latar belakang komuniti Cina di negeri Terengganu yang meliputi sejarah kedatangan, penempatan dan latar belakang etnik ini. Selanjutnya pengkaji menjelaskan tentang aspek budaya, sosioekonomi, politik, agama dan hubungan antara agama komuniti Cina yang berlaku di negeri Terengganu. Turut disentuh ialah proses akulturasi budaya yang memperlihatkan hubungan yang berkait rapat dengan dialog kehidupan. Selain itu, beberapa aspek cabaran yang dilalui dalam kalangan komuniti pra konversi Cina juga turut diberi perhatian ketika melaksanakan dialog kehidupan. Seterusnya, pengkaji juga menjelaskan konversi agama Islam di negeri Terengganu, fenomena konversi agama Islam di Malaysia dan faktor konversi agama dalam kalangan komuniti Cina Muslim di negeri Terengganu. Justeru, ulasan dan komentar yang diberikan menjadi landasan terhadap kajian yang dijalankan.

Berdasarkan banci penduduk Malaysia 2010, jumlah 24.6% menjadikan kelompok Cina komuniti kedua terbesar di negara ini.<sup>1</sup> Sejarah membuktikan bahawa sejak abad ke 14 lagi komuniti Cina telah tiba ke Melaka sebagai masyarakat pedagang. Malahan komuniti ini memainkan peranan yang penting di dalam mewujudkan kebudayaan tempatan yang akhirnya menjelmakan satu kelompok yang cukup unik yang dikenali sebagai Cina Peranakan.<sup>2</sup> Selain di Negeri-Negeri Selat, kelompok Cina Peranakan juga boleh ditemui di negeri Kelantan dan Terengganu.<sup>3</sup> Selanjutnya, komuniti Cina di bawa masuk ke Tanah Melayu secara besar-besaran oleh pihak British untuk bekerja di sektor perlombongan yang berkembang pesat pada abad yang ke 18.<sup>4</sup> Bertitik tolak dari sini, demografi Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia) berhadapan dengan perubahan yang cukup ketara setelah terlaksananya dasar buka pintu pihak British yang amat memerlukan tenaga kerja dari luar negara. Blyte menjelaskan bahawa suku Hokkien datang dari kawasan Amoy dan Chuan Chiu dari wilayah Fukien, etnik Kantonis datangnya dari wilayah Guandong dan Guangxi, puak Hakka datangnya dari wilayah Guandong, Guangxi dan Fukien, Teo Chew pula datangnya dari kawasan Swatow dan Chau Chou Fu di wilayah Guandong dan etnik Hainan (Hailam) datangnya dari pulau Hainan.<sup>5</sup> Dalam hal ini, gambaran yang dinyatakan oleh Blyte menjelaskan bahawa kedekatan wilayah-wilayah tersebut dengan Asia Tenggara dilihat sebagai salah satu faktor yang menggalakkan masyarakat Cina datang ke Tanah Melayu. Biarpun masyarakat Cina telah tiba ke Malaysia pada tempoh yang cukup lama, atas sifat

---

<sup>1</sup> Laporan banci penduduk 2010 menyatakan jumlah penduduk bumiputera 67.4%, Cina 24.6 %, India meliputi 7.3% lain-lain 0.7%. Sumber dari Jabatan Perangkaan Malaysia.

<sup>2</sup> Sandhu, K.S., & Wheatley, P., *Melaka-The Transformation of a Malay Capital 1400-1980.*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1984), 94-5.

<sup>3</sup> Abd Wahid Jais & Faezah Kassim, "Unsur-Unsur Kepercayaan Orang Melayu Dalam Kepercayaan Orang Cina: Satu Kajian Awal" dalam *Islam Dan Kefahaman-Kefahaman Agama*, ed. Faizuri et al., (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 48-50.

<sup>4</sup> Mansor et. al., *Hubungan Etnik Di Malaysia*, (Petaling Jaya: Pearson Sdn Bhd, 2006), 58-60.


<sup>5</sup> Blythe, W., *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya A Historical Study*, (London: Oxford University Press, 1969), 44.

dinamiknya, komuniti ini masih memelihara budaya dan kepercayaan tradisi yang diwarisi dari negara asal dengan utuh.

### 3.1 Latar Belakang Masyarakat Cina di Negeri Terengganu

Menurut laporan kependudukan negeri Terengganu 2010, jumlah penduduk Cina di negeri ini ialah seramai 27,900 orang atau 2.4% daripada jumlah keseluruhan penduduk.<sup>6</sup> Biarpun mewakili jumlah yang kecil dan kelompok yang kedua terbesar di negeri Terengganu namun komuniti Cina dilihat begitu signifikan dalam mencorakkan sebuah masyarakat yang harmoni, bertoleransi dan makmur di negeri yang dihuni oleh majoriti komuniti Melayu Muslim ini. Sejumlah besar komuniti Cina di negeri Terengganu tinggal di bandar-bandar utama di negeri ini. Taburan penempatan masyarakat Cina di daerah-daerah negeri Terengganu mengikut perangkaan 2010 adalah sebagaimana berikut:

Carta Pai 3.1: Bilangan dan peratusmasyarakat Cina mengikut daerah di negeri Terengganu



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2010).

Dari segi lokasi, kebanyakan masyarakat Cina di Negeri Terengganu tinggal di daerah-daerah yang sedang membangun sebagai pusat kegiatan ekonomi dan industri

<sup>6</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, (2010). Bilangan Penduduk Mengikut Kaum.

yang menjanjikan sesuatu yang lebih baik. Paling menonjol, kebanyakan komuniti Cina di Terengganu tinggal di daerah Kuala Terengganu, Kemaman dan Dungun. Boleh dikatakan, bilangan masyarakat Cina di negeri Terengganu adalah antara yang terkecil di Malaysia. Pengaruh budaya Melayu yang begitu menonjol dalam kehidupan seharian komuniti Cina di negeri Terengganu menjadikan kelompok ini amat berbeza dengan komuniti Cina di negeri lain di Malaysia. Berdasarkan data yang diperolehi, jumlah masyarakat Cina di negeri Terengganu antara tahun 2006-2010 adalah sebagaimana berikut:

Jadual 3.1: Komuniti Cina 2006-2010 di Negeri Terengganu

Tahun	Jumlah	Peratus	Jumlah Keseluruhan Penduduk Terengganu
2006	26700	2.80	962 000
2007	27000	2.77	973 900
2008	27200	2.76	986 300
2009	27600	2.76	999 300
2010	26400	2.59	1017 200

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010.

Jadual 3.1 di atas menunjukkan peratus dan jumlah masyarakat Cina di negeri Terengganu di antara tahun 2006 hingga 2010. Sungguhpun jumlah penduduk di negeri Terengganu melebihi satu juta pada tahun 2010 namun didapati jumlah bilangan dan peratus masyarakat Cina di negeri Terengganu pada tahun tersebut semakin menurun. Rahmah melihat peluang mencari rezeki yang lebih baik menyebabkan berlakunya penghijrahan rakyat Terengganu khususnya ke negeri Selangor sekali gus telah mengurangkan rakyat berdaftar di negeri ini.<sup>7</sup> Tan Yao Sue menyokong hujah ini dengan

<sup>7</sup> Rahmah Ismail, "Pembangunan Ekonomi Negeri Terengganu" Dalam *Persidangan Antarabangsa Tiga Abad Kesultanan Terengganu 1708-2008* anjuran UDM & Yayasan Di Raja Sultan Mizan, (17-19 Okt. 2008), 2.

menyatakan bahawa golongan belia Cina Terengganu berhijrah ke negeri-negeri lain kerana wujud peluang pekerjaan dan pendidikan yang terbuka luas di luar.<sup>8</sup>

### 3.2 Sejarah Kedatangan Orang Cina Ke Terengganu

Sama ada disadari atau tidak, semenjak ratusan tahun lagi nama Terengganu disebut dalam lipatan sejarah kerajaan China. Catatan terawal yang menceritakan tempat-tempat spesifik di Terengganu direkodkan di dalam *Han shu* yang ditulis oleh Bangu semasa dinasti Han.<sup>9</sup> Berdasarkan gambaran yang diberikan tentang negeri Terengganu, Zhao Rukuo (Dinasti Song) juga dalam tulisannya menyebut Terengganu dengan panggilan *Deng Ya Nong*. Wang Dayuan pula dari Dinasti Yuan dalam bukunya *Tao Yu Zhi Lie* menyebut Terengganu dengan nama *Ding Jia Lu* manakala dalam peta pelayaran laksamana Cheng Ho, Terengganu disebut sebagai *Ding Jia Luo*. Begitu juga, nama Terengganu juga direkodkan dalam bibliografi negara-negara asing Dinasti Ming dalam jilid 325 sebagai *Ting Ji Yi*.<sup>10</sup> Apa yang jelasnya negeri ini memainkan peranan yang tersendiri dalam rekod sejarah kerajaan-kerajaan lampau China.


---

<sup>8</sup> Tan Yao Sue et al., "Maintenance and propagation of Chinese Culture in a Malay state: the roles of the Chinese associations in Kuala Terengganu", *Asian Ethnicity*. Vol 13 No 4. (Sept 2012), 442.

<sup>9</sup> Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. *Warisan Terengganu*. (Kuala Terengganu: KUSTEM, 2002), 43.

<sup>10</sup> Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka 1974), 9.

Rajah 3.1: Peta di bawah menunjukkan nama-nama tempat di negeri Terengganu yang tercatat semasa pemerintahan dinasti-dinasti China.



Sumber: Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka 1974).

Selanjutnya, peranan negeri Terengganu sebagai pusat perdagangan dinyatakan oleh Paul Wheatley dengan memetik buku catatan sejarawan Cina yang bernama *Chou Chiu Fei* yang ditulis pada tahun 1178 M. Antaranya dinyatakan bahawa jalinan perdagangan telah berlaku di antara kerajaan China dengan kerajaan-kerajaan di Asia Tenggara seperti *San-fo-Chi* (Srivijaya), *Sha-Po* (Jawa), *Chiao Chih* (Tonkin), *Chan-Chen* (Annam), *Chen La* (Kemboja) dan *Fo Lo An* (Kuala Berang). Ini sebagaimana dijelaskan:

“Seseorang itu boleh tiba ke kerajaan *Fo lo An* setelah empat hari belayar dari *Lang-Ya Shu Chia* (Langkasuka) dan boleh tiba melalui jalan darat. Dan dua buah patung Buddha telah dibawa ke negeri ini, satunya bertangan enam dan satunya bertangan empat. Kuil-kuil Buddha itu dihiaskan dengan emas dan gangsa. Hasil yang dikeluarkan oleh peribumi termasuklah “*su*” dan “*chan*” (sejenis kayu), kayu leka, kayu cendana, gaharu dan lain-lain yang ditukarkan secara sistem barter dengan bangsa lain iaitu ditukar dengan emas, perak, lanquer, arak, beras. Tiap-tiap tahun *Fo lo An* menghantar ufti kepada kerajaan *San Fo Shi* (Srivijaya), keadaan yang sama juga di *P’eng feng* (Pahang), *Teng ya nung* (Terengganu) dan *Chi lan tan* (Kelantan) yang berjiran dengan *Fo lo An*.”<sup>11</sup>

Kuala Berang (*Fo Lo An*) yang terletak di hulu sungai Terengganu muncul sebuah pelabuhan yang hebat sebelum kedatangan agama Islam lagi. Selain daripada itu, Terengganu (*Teng ya nung*) juga dinyatakan sebagai sebuah kerajaan yang berjiran dengan Kuala Berang (*Fo Lo An*). Pengaruh agama Buddha dilihat mengeratkan lagi hubungan antara kerajaan *Fo Lo An* (satu daerah dalam negeri Terengganu) dengan kerajaan China. Selain bukti-bukti tulisan, tinggalan artifak-artifak lama juga memperkukuhkan lagi bahawa telah berlaku hubungan antara kerajaan China silam dengan kerajaan Melayu Terengganu. Alcoh menyatakan bahawa sebuah tempayan yang sarat dengan duit syiling lama dijumpai di Kampung Cermai, Pasir Raja, Hulu Dungun, Terengganu. Sebanyak 4,000 keping syiling lama yang berasal dari Negara China semasa Zaman Dinasti Tang sehingga Dinasti Song yang bertarikh antara 618M hingga 1279M.<sup>12</sup> Beliau selanjutnya menyatakan “hubungan orang Cina dengan Terengganu terjalin secara berterusan, apatah lagi kapal-kapal Cina sentiasa belayar ke

---

<sup>11</sup> Muhammad Saleh Awang et. al., *Sejarah Darul Iman*, (Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 1992), 8.

<sup>12</sup> Alcoh Wong Yaho, “Catatan Mengenai Terengganu Dalam Sejarah Negara China Dan Penempatan Awal Komuniti Cina Di Terengganu” Dalam *Seminar Darul Iman 2001: Persejaraan Terengganu Sehingga Abad Ke-18*, (13 & 14 Oktober 2001), 5.

Terengganu, tujuan itu adalah untuk menjalinkan perdagangan dengan para pedagang setempat”.<sup>13</sup>

Seterusnya, hubungan perdagangan diertatkan lagi melalui penyebaran agama Islam ke negeri Terengganu. Kajian yang dilakukan oleh Yunus Ma menyatakan bahawa agama Islam telah dibawa masuk oleh para pedagang dan pendakwah dari negara China khususnya dari pelabuhan Canton pada abad ke 13 M. melalui *Fo lo An* (Kuala Berang). Ini terbukti melalui persamaan ciri ukiran batu bersurat Terengganu yang dijumpai di Kuala Berang yang bertarikh 1303 M dengan ukiran batu bersurat yang diukir oleh orang Cina yang datang dari Tsuwanshu. Selain daripada itu, nama-nama tempat seperti Kuala Ping, Kampung Pueh, Kampung Po, Kampung Pauh memberi makna-makna yang tersendiri dalam bahasa Cina Hokkien.<sup>14</sup> Justeru itu, bukti-bukti tersebut mengukuhkan lagi dakwaan bahawa kemungkinan agama Islam dibawa masuk ke negeri Terengganu dari negara China. Tambahan lagi kedudukan negeri Terengganu yang berhampiran dengan Laut Cina Selatan menggalakkan para pedagang Muslim dari China untuk memperkenalkan agama Islam ke negeri ini. Dalam masa yang sama, faktor-faktor politik yang tidak stabil di negara China menyebabkan para pedagang Muslim di sana mencari destinasi baru untuk berdagang dan tujuan keselamatan. Teori yang menyatakan agama Islam datang ke Alam Melayu dari China ini dipopularkan oleh sejarawan Sepanyol iaitu Emmanuel Godinho de Eredia. Beliau menjelaskan bahawa pada abad ke 13, agama Islam dibawa ke Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu melalui China, Campa dan Pattani. Dalam perihal ini, Syed Naquib al-Attas pula menjelaskan bahawa seramai 120,000 komuniti Muslim di Canton telah berhijrah ke Asia Tenggara apabila

---

<sup>13</sup> *Ibid.*, 6.

<sup>14</sup> Zheng, Yunus Ma Abdullah. “Persepsi Orang Cina di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam”, (Disertasi MA Universiti Malaya, 2001), 59.



berlaku pemberontakan terhadap pemerintah Dinasti Tang. Menyadari akan hakikat ini, pemerintah Dinasti Tang mengarahkan perkampungan asing dimusnahkan dan orang asing dihalau keluar dari negara China. Menurut Mohd Saufi dan Samsu, masyarakat Muslim yang tinggal di situ telah melarikan diri ke Champa, Kedah, Palembang dan Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu termasuk ke negeri Terengganu.<sup>15</sup> Faktor kewujudan Cina di Terengganu dikukuhkan lagi melalui hasil kajian Cheong yang menceritakan tentang kedatangan Laksamana Cheng Ho ke Terengganu pada abad ke 14M. Menurut beliau, Laksamana Cheng Ho pernah singgah ke kampung Jeram yang terletak 23 kilometer dari Kuala Terengganu pada abad ke 14. Sebagai memperingati kehadiran beliau, masyarakat Cina yang telah sedia ada di kampung Jeram telah mendirikan sebuah tokong Laksamana Cheng Ho.<sup>16</sup> Begitu juga catatan Wang Ta Yuan seorang ahli peniaga China ketika melawat Temasik pada tahun 1349M, telah singgah ke Kuala Terengganu dan beliau mendapati bahawa telah ada penempatan masyarakat Cina di negeri tersebut.<sup>17</sup> Nyata sekali, penempatan masyarakat Cina di negeri Terengganu telah wujud sejak abad ke 14 M. Satu hal yang dapat kita perhatikan bahawa kedatangan orang Cina ke Terengganu adalah lebih awal daripada kedatangan Cina pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Hubungan awal masyarakat Melayu dan Cina telah melahirkan komuniti Peranakan Cina yang menonjolkan kepelbagaian ciri-ciri cara hidup yang berbeza dengan komuniti Cina yang lain. Abd Wahid Jais & Faezah menjelaskan bahawa masyarakat Peranakan Cina menggunakan bahasa Melayu sebagai

---

<sup>15</sup> Mohd Saufi & Samsu Adabi Mamat, *Sejarah Dan Tamadun Islam di Asia Tenggara*, (Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd, 2009), 35.

<sup>16</sup> Cheong Meng Ngai, "Sejarah Kedatangan Dan Penempatan Orang Cina di Kuala Terengganu (1800-1940)", (Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia 1991), 17.

<sup>17</sup> Purcell, V., *The Chinese in Southeast Asia*, (London: OUP, 1965), 235.

medium perhubungan harian dan kebanyakan sosio-budaya mereka lebih bermirip kepada kehidupan Melayu setempat.<sup>18</sup>

Melewati abad ke 14, terdapat beberapa penulis Barat yang menceritakan lebih jelas perihal komuniti Cina di Terengganu misalnya Kapten Alexander Hamilton, berbangsa Inggeris yang melawat Kuala Terengganu pada 1719-1720 dalam catatannya menyatakan:

*“Trangano stands pleasantly near the Sea, on the side of a River that has a shallow Bar, and many Rocks scattered to and again within the River, but Room enough in many Places to moore small Ships very securely, to keep them safe from the Dangers of the Winds or Floods. There may be about one thousand Houses in it, not built in regular Streets, but scattered in ten or twenty in a Place distant a little Way from another's Villa of the same Magnitude. The Town is above half-peopled with Chinese, who have a good Trade for three or four Jonks yearly, besides some that trade to Siam, Cambodia, Tunqueen and Sambas. When I came back from Siam with my Cargo unsold, as I mentioned before, I came to Trangano to dispose of what I could of my Goods, and to procure a new Cargo for Surat, the kind King (Sultan Abdul Jalil of Johore) assisted me in doing both, with all the Peadiness and Cheerfulness imaginable”.*<sup>19</sup>

Pertumbuhan dan pembentukan awal kelompok Cina berdasarkan penempatan di tebing Sungai Terengganu adalah untuk tujuan kerap terlibat dalam menjalankan urusan perdagangan. Sebagai contoh, John Francois de Surville (1769 M) dari Perancis menyatakan bahawa terdapat tiga bazar yang diperuntukkan kepada peniaga Melayu, Siam dan Cina di Kuala Terengganu.<sup>20</sup> Selain itu, Alexander Hamilton menjelaskan *“The product of the country is pepper and gold, which are mostly exported by*

---

<sup>18</sup> Abd Wahid Jais & Faezah Kassim, “Unsur-Unsur Kepercayaan Orang Melayu Dalam Kepercayaan Orang Cina”, 48.

<sup>19</sup> Lamat Jusoh, “Komuniti China di Kuala Terengganu”, *Jurnal Sejarah Universiti Malaya*, (1975/76), 18-9. Juga lihat dalam Khoo Kay Kim, “Kuala Terengganu Pusat Perdagangan Antarabangsa dalam *Terengganu Dulu dan Sekarang*”, 55.

<sup>20</sup> Dunmore, J., “French Visitors to Terengganu in The Eighteenth Century”, *JMBRAS*, Vol 46-47, Part 1(1973), 145.

*Chinese*".<sup>21</sup> Dengan demikian, masyarakat Cina memainkan peranan yang penting dalam urusan perniagaan di Terengganu apabila pihak kerajaan memperuntukkan ruang perniagaan yang khusus kepada masyarakat Cina. Munshi Abdullah pernah menukilkan dalam tulisannya tentang masyarakat Cina yang tinggal dalam rumah bertembok di Kuala Terengganu ketika dia berkunjung ke Kuala Terengganu pada tahun 1836.<sup>22</sup> Begitu juga laporan daripada penulis Barat yang lain seperti Robert Hunter, T.J. Newbold, M. Medhurst, Hugh Clifford yang menceritakan kehidupan masyarakat Cina di sekitar Kuala Terengganu. Newbold menyebut dalam tulisannya bahawa masyarakat Cina di negeri Terengganu tinggal di Kampung Cina, Wakaf Tapai dan Kampung Tirok. Penempatan dengan rumah batu yang kukuh telah di bina di Kampung Cina.<sup>23</sup> Diteliti secara terperinci, hubungan masyarakat Cina dengan negeri Terengganu telah berlangsung sebelum kedatangan agama Islam lagi. Ternyata Kuala Berang berperanan sebagai lokasi awal bagi masyarakat Cina berurusan dengan masyarakat tempatan khususnya dalam aspek perniagaan dan keagamaan. Sekali gus ia membayangkan hubungan antara agama telah berlaku antara komuniti Cina dan Melayu sejak sekian lama.

Menjelang abad ke 18 didapati telah wujud penempatan masyarakat Cina yang terbina kukuh di negeri Terengganu. Lantaran itu Kuala Terengganu telah muncul sebagai pusat perdagangan dan perniagaan yang menjadi tumpuan masyarakat Cina hingga ke hari ini. Maka dengan itu, Hugh Clifford pernah menyifatkan Kuala Terengganu sebagai Birmingham Semenanjung Tanah Melayu. Hujah beliau "*In a state like Terengganu, however which fittingly be called the Birmingham of the Peninsula,*

---

<sup>21</sup> Muhammad Yusoff Hashim, *Terengganu Darul Iman, Tradisi Persejarahan Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1991), 101.

<sup>22</sup> Abdullah Munsyi, *Kisah Pelayaran Abdullah*, ed. Kassim Ahmad, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1960), 50-5.

<sup>23</sup> Muhammad Yusoff Hashim, *Terengganu Darul Iman, Tradisi Persejarahan Malaysia*, 85.

*there are numerous artisans capable of making exact imitations of the coin*".<sup>24</sup> Pendek kata kehebatan Terengganu sebagai sebuah pelabuhan yang hebat pada abad ke 18 diperkukuhkan lagi oleh kenyataan Khoo Kay Kim yang menjelaskan sebagaimana berikut:-

*"...Kuala Terengganu, in the eighteenth century, together with Riau (now part of Indonesia) were the leading ports in the Malay archipelago. Moreover, it is possible to present some vivid descriptions of eighteenth century Kuala Terengganu because it was visited by several foreigners who left behind valuable records".*<sup>25</sup>

Mengambil kira latar belakang dan sejarah awal masyarakat Cina di negeri Terengganu sebagaimana diterangkan seperti di atas, dapat dijelaskan bahawa kehadiran masyarakat Cina ke negeri Terengganu adalah dari gelombang yang pertama yakni kelompok pedagang yang datang ke Alam Melayu secara suka rela. Faktor ini menyebabkan kelompok Cina dapat mengadakan perhubungan lebih licin dengan komuniti peribumi berbanding masyarakat Cina yang tiba pada zaman penjajahan Inggeris. Dalam konteks negeri Terengganu, komuniti Cina ini terdiri daripada suku Hokkien yang juga dikenali sebagai Cina Peranakan. Beberapa unsur dan bibit budaya Melayu dimasukkan dalam kehidupan seharian komuniti Peranakan Cina Terengganu menjadikan komuniti Cina mampu beradaptasi dan bertolak ansur dengan budaya Melayu. Satu hal lagi yang menarik diperhatikan ialah perkahwinan Sultan Ahmad I dengan anak seorang tauke Cina yang menguruskan tarian menora memperlihatkan bahawa hubungan sosial yang berlaku dipermudahkan lagi dengan perkahwinan

---

<sup>24</sup> *Ibid*, 87.

<sup>25</sup> Khoo Kay Kim, "The Emergence of Plural Communities in The Malay Peninsula before 1874" in *Multicultural Malaysia, Past, Present and Future*, ed. Lim Teck Ghee et al., (Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2009), 13.

campur.<sup>26</sup> Peranan utama Inggeris dalam mencorakkan kerencaman kaum di Tanah Melayu boleh dilihat menerusi kebanjiran kaum imigran pada gelombang kedua.<sup>27</sup> Menyedari negeri ini tidak mempunyai kepentingan dalam aspek ekonomi, dengan itu negeri Terengganu agak lewat menerima pengaruh Inggeris.<sup>28</sup> Justeru itu, fenomena penghijrahan masyarakat Cina secara besar-besaran ke negeri-negeri Melayu pada awal abad ke 18 tidak berlaku di negeri ini.

### **3.3 Penempatan Awal Masyarakat Cina Di Terengganu**

Kampung Jeram terletak 23 kilometer dari Kuala Terengganu merupakan laluan para pedagang untuk ke pelabuhan Kuala Berang. Sebagaimana yang dijelaskan bahawa Laksamana Cheng Ho yang melakukan ekspedisi ke Kampung Jeram (*Sanpokang*) yang pada abad ke 14. Lantas, untuk memberi justifikasi kepada kedatangan tokoh tersebut, masyarakat Cina di Kampung Jeram telah mendirikan sebuah tokong Cheng Ho. Cheong menjelaskan bahawa pada peringkat awal masyarakat Cina tinggal di pelabuhan Kuala Terengganu dan Marang khususnya di Kampung Cina dan Kampung Tirok. Dalam lingkungan 1500 M, keturunan anak kapal Armada Cheng Ho yang berasal dari kawasan Selatan Negeri Hokkien Cina ini, berhijrah ke muara Sungai Terengganu, Sungai Telemong dan Sungai Nerus untuk menerokai bidang pertanian. Penempatan awal masyarakat Hokkien ini ialah dengan membuka kawasan tanaman dan berkampung di Bukit Datu (*Da-Tu*), Losong (*Lok-Song*), Cepoh (Kawasan Tanaman Tebu), Pulau Babi (Pulau Bahagia), Kampung Cina Hak, Kuala Telemong, Kampung. Palem, Bukit Tadok,

---

<sup>26</sup> Mohamad Anwar Omar Din & Nik Anuar Nik Mahmud, *Dirgahayu Tuanku Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, (Kuala Terengganu: Yayasan Sultan Mizan, 2009), 219.

<sup>27</sup> Mujibu Abd Muis, "Menangani Kerencaman Kaum dalam Proses Bina Bangsa: Cabaran dan Pengalaman Malaysia" *Sosiohumanika*, 5(2) 2012. 244.

<sup>28</sup> Melalui perjanjian Bangkok yang ditandatangani pada tahun 1909, Terengganu sebagai antara negeri yang bernaung di bawah kerajaan Siam akhirnya diserahkan kepada Inggeris.

Kampung Tirok dan Sanpokang (Sungai Nerus) terutama di Tepoh.<sup>29</sup> Dengan demikian, bukti pembinaan monumen Laksamana Cheng Ho ke negeri Terengganu pada abad ke 14 oleh komuniti Cina bukan Muslim mengesahkan bahawa telah wujud penempatan komuniti ini di negeri Terengganu lebih daripada 600 tahun yang lalu.


Selanjutnya menjelang abad ke 19 barulah didapati masyarakat Cina yang mahir dalam perlombongan membuka lombong bijih timah di daerah-daerah lain di Terengganu seperti di Kampung Kongsu, Ulu Paka, Bukit Bandi, Pasir Semut, Kampung Dadong, Kampung Sungai Kuah di Kawasan Hulu Sungai Kemaman. Manakala pada tahun 1913, apabila Jepun membuka lombong bijih besi di Bukit Besi, didapati ramai pekerjaanya terdiri daripada komuniti Cina terutama dari Negeri Santong dan Negeri Hopei.<sup>30</sup> Tuntasnya, komuniti Cina dari wilayah Utara China mula tiba ke daerah Dungun dan Kemaman untuk bekerja dalam sektor perlombongan. Namun begitu kehadiran mereka tidaklah begitu pesat sebagaimana kedatangan masyarakat Cina di negeri pantai Barat Semenanjung pada abad ke 17 dan 18 M.

---

<sup>29</sup> Cheong Meng Ngai, "Sejarah Kedatangan Dan Penempatan Orang Cina di Kuala Terengganu (1800-1940)", 32.

<sup>30</sup> Tan Chee Beng, *Chinese Minority in A Malay State. The Case of Terengganu in Malaysia*, 20.

Peta 3.2: Arah penghijrahan masyarakat Cina ke Terengganu kerana keadaan yang tidak stabil di China.




Sumber: Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka 1974).

Berdasarkan maklumat dari peta 3.2 di atas juga, masyarakat Cina datang dari daerah-daerah Hainan, Canton, Amoy dan Foochow. Sebahagian masyarakat Cina yang tiba ke Singapura berhijrah semula dan menetap di negeri Terengganu. Walaupun ada di antara mereka yang pulang semula ke negara China, namun terdapat sebahagian daripada masyarakat Cina mengambil keputusan untuk terus tinggal di negeri Terengganu.

### 3.4 Kelompok Cina Negeri Terengganu

Carta Pai 3.2: Etnik Cina di Negeri Terengganu



Sumber: *A Study of the Occupational Structure of The Chinese Community by Dialect in Seminar on Chinese Population in Malaysia.*<sup>31</sup>

Carta 3.2 di atas menunjukkan bahawa menjelang 1990 an, terdapat 9 suku utama Cina yang tinggal di negeri Terengganu. Biarpun perangkaan ini hanya melibatkan jumlah 10429 orang yang berdaftar dengan persatuan-persatuan Cina di negeri Terengganu, namun carta ini menggambarkan jumlah etnik Cina yang tinggal di seluruh negeri tersebut. Suku Hokkien merupakan suku yang terbesar yang meliputi hampir 40% daripada jumlah masyarakat Cina Terengganu kebanyakannya tinggal di daerah Kuala Terengganu. Selain dikenali sebagai Cina peranakan atau Cina Baba, etnik ini juga dikenali sebagai “Cina Melayu”. Peranakan atau baba bermaksud “*local-born*” iaitu kelompok yang menerima kepercayaan dan kebudayaan masyarakat Melayu Muslim.<sup>32</sup> Mohd Sufri Jaafar menyatakan bahawa walaupun komuniti “Cina Melayu” ini tidak memeluk agama Islam, namun banyak elemen-elemen budaya Melayu

<sup>31</sup> Tan Wan, “A Study of the Occupational Structure of The Chinese Community by Dialect,” in *Seminar on Chinese Population in Malaysia*, (2002), 3.

<sup>32</sup> Tan Chee Beng, *The Baba of Melaka Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community of Malaysia*, (Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1988),16.



diaplikasikan dalam kehidupan seharian.<sup>33</sup> Komuniti Cina yang tinggal di kampung seperti di Kampung Tirok, Jeram, Pulau Babi berperanan mengembangkan jati diri 'Cina Peranakan' hasil daripada percampuran budaya mereka yang unik. Penempatan komuniti ini tersebar luas ke kawasan bandar, pinggir bandar Terengganu dan bercampur dengan komuniti Cina dari suku yang lain.<sup>34</sup> Boleh dinyatakan bahawa ruang pergaulan yang terbuka luas dengan masyarakat tempatan mendedahkan masyarakat Cina untuk mempelajari budaya orang lain secara suka rela. Ini menunjukkan integrasi sosial melalui dialog kehidupan dilihat sebagai satu proses mendekatkan dan kemudiannya dapat membina kesatuan di antara dua komuniti malah mampu membentuk satu masyarakat yang mempunyai cita rasa yang sama. Ini bermakna persefahaman melalui perkongsian budaya menjadi salah satu mercu tanda yang utama dalam sejarah hubungan antara komuniti yang berbeza agama di negeri Terengganu.

Selain daripada itu, suku Hainan tinggal di Kuala Terengganu, Kemasik (Kemaman), Dungun, Paka, Kerteh dan Marang. Kebanyakan suku Hakka tinggal di Pulau Bharu (terletak 24 km dari Kuala Terengganu) manakala suku Teochew, Kantonis dan Kwongsai juga tinggal di bandar Kuala Terengganu. Pada hari ini kebanyakan sub etnik Cina bernaung di bawah persatuan masing-masing bagi menjaga kebajikan dan kepentingan suku. Setiap suku mempunyai ciri-ciri pekerjaan yang tersendiri misalnya kelompok Hokkien yang merupakan suku terawal tiba ke negeri Terengganu terlibat sebagai peniaga keperluan harian, pakaian dan perhiasan rumah. Manakala suku Hainan melibatkan diri sebagai buruh, pekedai kopi dan penanam gambir. Sub-etnik Kantonis pula yang tiba selepas abad ke 19 dari pantai Barat Semenanjung terlibat sebagai buruh,

---

<sup>33</sup> Mohd Sufri Jaafar (Pegawai Eksekutif PERKIM negeri Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12 April 2012.

<sup>34</sup> Tan Chee Beng, *Chinese Minority in A Malay State. The Case of Terengganu in Malaysia*, 74-77.

tukang jahit dan kedai makan. Kedudukan sub etnik Hokkien di tengah-tengah kelompok komuniti Melayu menjadi faktor penyumbang kepada pembauran budaya dan adat resam komuniti Cina ini. Malahan, pengaruh linguistik Melayu Terengganu dalam pertuturan sub-etnik Hokkien di negeri ini menyebabkan dialek komuniti ini agak sukar difahami oleh komuniti Cina Hokkien yang lain. Pada peringkat awal penghijrahan masyarakat Cina adalah terdiri daripada kalangan kaum lelaki menyebabkan mereka berkahwin dengan wanita-wanita tempatan.<sup>35</sup> Tan menyatakan komuniti Hokkien Terengganu atau dikenali '*Teng Lang*' merupakan kelompok peranakan hasil daripada asimilasi budaya yang berlaku tidak sepenuhnya.<sup>36</sup> Perkahwinan campur (sama ada dengan peri bumi bukan Muslim) dan adaptasi budaya Melayu telah membentuk satu komuniti baharu berketurunan Cina yang berakulturasi tetapi masih mengekalkan agama anutan kepercayaan asal.

Cheong Meng pula menyatakan masyarakat Cina yang berhijrah selepas 1900 ke Terengganu dikenali sebagai penduduk Cina sejati. Mereka kebanyakannya terdiri dari kelompok Kantonis dan Hainan. Memandangkan kelompok ini tinggal dalam komuniti sendiri khususnya di bandar, proses akulturasi yang berlaku agak perlahan. Tambahan lagi perkahwinan campur tidak lagi menjadi suatu desakan apabila ramai wanita dari negara China turut datang ke negeri Terengganu. Mereka memilih pasangan dari suku-suku Cina yang lain yang tinggal di negeri ini.<sup>37</sup> Berdasarkan hakikat ini, dapat dinyatakan bahawa *trend* kedatangan masyarakat Cina di negeri Terengganu boleh dibahagikan kepada dua tahap iaitu fasa sebelum abad ke 19 dan fasa selepas abad ke

---

<sup>35</sup> Pendatang Cina menghadapi pelbagai masalah, terutamanya dalam perkahwinan pada mula-mulanya. Adat resam Cina dan wanita Cina dihalang meninggalkan China itu telah menyebabkan orang Cina mengahwini wanita setempat. Lihat juga dalam Cheong Meng Ngai, "Sejarah Kedatangan Dan Penempatan Orang Cina di Kuala Terengganu (1800-1940)", 178.

<sup>36</sup> Tan Chee Beng, *Chinese Minority in A Malay State. The Case of Terengganu in Malaysia*, 17.

<sup>37</sup> Cheong Meng Ngai, "Sejarah Kedatangan Dan Penempatan Orang Cina di Kuala Terengganu (1800-1940)", 142.

19. Fasa sebelum abad ke 19 memperlihatkan masyarakat Cina cenderung berkongsi budaya masyarakat tempatan. Kelompok ini dikenali sebagai Peranakan Cina yang menyerlahkan adaptasi budaya masyarakat Melayu setempat dalam kehidupan seharian. Manakala, masyarakat Cina yang tiba selepas abad ke 19 lebih selesa menggunakan adat dan budaya yang dibawa terus dari Tanah Besar Cina tanpa memerlukan sebarang adaptasi. Lantaran perkahwinan campur dengan masyarakat tempatan yang mula berkurangan turut memberi impak kepada proses akulturasi dalam kalangan masyarakat Cina yang tiba selepas abad ke 19. Abdul Halim Lim Abd Rahman menjelaskan bahawa masyarakat Cina di negeri Terengganu datangnya dari pelbagai suku etnik. Namun begitu agak sukar mengenal pasti suku Cina yang benar-benar tulen memandangkan mereka telah berkahwin dengan suku-suku lain. Tambahan lagi, keturunan lazimnya dinasabkan sebelah bapa. Tidak ada bukti yang kukuh yang menyatakan bahawa wujudnya korelasi jenis etnik menentukan kuantiti yang banyak terhadap pemeluk agama Islam.<sup>38</sup> Ini menunjukkan bahawa perbezaan etnik bukanlah menjadi faktor yang signifikan terhadap konversi agama Islam di negeri Terengganu.

Selain kelompok etnik yang dinyatakan di atas, Wang dalam kajiannya mengesan kewujudan komuniti Cina Muslim asal yang juga dikenali sebagai Hui di Terengganu. Komuniti ini tiba secara langsung dari negara China khususnya dari wilayah Guandong pada awal abad ke 20.<sup>39</sup> Zawiah dan Mashitah menyatakan masyarakat yang juga dikenali sebagai Cina Yunnan membentuk komuniti kecil dengan gelaran keturunan Dong, Li, Zhang, Liu, Fu dan Xiao. Dalam kalangan penduduk tempatan Terengganu, Dong dipanggil sebagai Pak Abdullah, Li dipanggil dengan Pak

---

<sup>38</sup> Abdul Halim Lim Abd Rahman, (Pengetua Kompleks Darul Hidayah), dalam temu bual dengan penulis, 26 Mac 2006.

<sup>39</sup> Wang, Rosey Ma, "Chinese Muslims in Malaysia History and Development", dicapai pada 13.Jan. 2012 [http://210.0.141.99/eng/Malaysia/ChineseMuslim\\_in\\_Malaysia.asp](http://210.0.141.99/eng/Malaysia/ChineseMuslim_in_Malaysia.asp).

Musa dan Zhang dikenali sebagai Pak Ali.<sup>40</sup> Wang berpendapat kelompok Cina Yunnan merupakan kelompok yang paling mudah berasimilasi dengan budaya Melayu. Sejak dari awal lagi, masyarakat Cina Yunnan terlibat dalam kegiatan ekonomi sebagai penjual buku-buku agama, peralatan dan sebagainya.<sup>41</sup> Faktor persamaan agama dengan masyarakat Melayu menyebabkan komuniti Cina Muslim ini amat mudah mempelajari dan menyedut masuk unsur-unsur kebudayaan komuniti Melayu Muslim dalam kehidupan seharian. Menurut Shamsul asimilasi merupakan satu proses percantuman antara dua kelompok sehingga membentuk satu kelompok dengan kebudayaan dan identiti yang sama.<sup>42</sup> Justeru, komuniti Cina Muslim yang menerima dan menyedut budaya Melayu ini telah melahirkan generasi komuniti yang menyerap sepenuhnya budaya hidup masyarakat Melayu Muslim tempatan kerana persamaan agama.

### **3.5 Masyarakat Cina Dalam Aspek Budaya Hidup**

Satu perkara yang menarik dalam memahami sosio budaya komuniti Cina Terengganu ialah keupayaan komuniti memelihara adat dan budaya hidup seharian walaupun berdepan dengan kelompok majoriti Muslim di sekeliling. Hal ini boleh diperhatikan dengan jelas dari aspek penggunaan bahasa Mandarin atau bahasa dialek etnik masing-masing di rumah. Biarpun begitu, apabila berkomunikasi dengan bangsa Melayu, komuniti ini akan menggunakan bahasa Melayu dialek Terengganu.<sup>43</sup> Ciri-ciri kesetiaan masyarakat Cina Terengganu terhadap budaya dihias dengan pelbagai bentuk sambutan perayaan seperti Tahun Baru Cina, Perayaan Yuan Xiao (Pesta tanglung pada hari 15

---

<sup>40</sup> Zawiah Mat dan Mashitah Sulaiman, "Interaksi budaya India & Cina ke atas pengukuhan bahasa dalam Tamadun Melayu". *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*.8 (2007), 128.

<sup>41</sup> Wang, Rosey Ma, "Chinese Muslims in Malaysia History and Development", dicapai pada 13. Jan. 2012 [http://210.0.141.99/eng/Malaysia/ChineseMuslim\\_in\\_Malaysia.asp](http://210.0.141.99/eng/Malaysia/ChineseMuslim_in_Malaysia.asp).

<sup>42</sup> Shamsul Amri Baharuddin, *Hubungan Etnik*, (Shah Alam: UPENA UiTM, 2011), 17.

<sup>43</sup> Zheng, Yunus Ma Abdullah, "Persepsi Orang Cina di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam", 65.

bulan pertama Cina. Perayaan Qing Ming 15 April (sembah roh nenek moyang), sambutan Duan Wu dan sambutan hari Chun Qiu.<sup>44</sup> Hasilnya, Kampung Cina yang terletak di tengah-tengah bandar Kuala Terengganu telah dijadikan ikon destinasi pelancongan yang memaparkan budaya masyarakat Cina di negeri Terengganu yang rencam. Hal ini disifatkan Kampung Cina merupakan destinasi awal komuniti ini bermigrasi kerana kedudukan yang begitu strategik berhampiran sungai dan muara sungai Terengganu menjadi pintu masuk yang menarik para pedagang berniaga di Terengganu. Di kawasan penempatan ini, didapati masih wujud bentuk rumah masyarakat Cina yang menyerupai rumah tradisional di negara China yang bersambung-sambung antara satu sama lain. Selain daripada itu, Kuil Tien Hok Kong dan Kuil Ho Ann Kiong dan kedua-dua buah kuil ni telah diiktiraf sebagai tapak warisan oleh UNICEF.<sup>45</sup>

Penerusan nilai-nilai budaya tradisional masyarakat Cina Terengganu masih berlangsung, malah bertaut kukuh melalui peranan persatuan-persatuan Cina. Menurut Tan Yan Sua et al., terdapat 40 persatuan di Kuala Terengganu yang terlibat secara langsung dalam menyediakan pelbagai aktiviti kebudayaan masyarakat Cina. *Terengganu Chinese Assembly Hall* yang ditubuhkan pada tahun 1967 dianggap sebagai payung kepada semua persatuan Cina di negeri Terengganu. Antara aktiviti yang dilakukan ialah mengadakan Festival Kebudayaan Cina di Kampung Cina dan Kampung Tiong, Kuala Terengganu. Persatuan Hokkien Terengganu dan Persatuan Hainan

---

<sup>44</sup> Perayaan Duan Wu disambut sebagai peringatan kepada seorang penyair dan menteri dalam dinasti Zhou yang memberi idea perdamaian dalam suasana tegang. Apabila Dinasti Zhou tumbang, beliau telah membunuh diri dengan terjun ke sungai. Manakala perayaan Chun Qiu disambut pada 15 hari bulan 8 kalendar Cina dengan persembahan kuih muih kepada Tuhan Bulan sebagai menandakan berlangsungnya pertengahan musim gugur. Selain daripada itu kuih muih juga akan diberikan kepada saudara mara. Lihat dalam Tan Yao Sua et al., "Maintenance and propagation of Chinese culture in a Malay state: the roles of the Chinese associations in Kuala Terengganu", 446.

<sup>45</sup> "China Town", dicapai 13 Feb. 2012, <http://tourism.terengganu.gov.my>.

Terengganu menumpukan kepada kebudayaan tradisional Cina seperti pesta Tanglung, Perayaan Hantu Lapar, Perayaan *Tiangongdan* dan penyembahan kepada *Tianhou Shengmu*. Selain daripada itu Persatuan Kebudayaan Cina Terengganu ditubuhkan pada tahun 1980 bagi memperkenalkan budaya-budaya terkini yang mampu menarik minat golongan Cina Terengganu. Antaranya memperkenalkan seni kaligrafi Cina, seni lukisan dan persembahan orkestra Cina. Selain daripada itu, Kampung Cina dijadikan rujukan khusus terhadap kajian budaya masyarakat Peranakan Cina di negeri Terengganu.<sup>46</sup> Justeru berdasarkan kenyataan di atas, dapat dinyatakan bahawa perkembangan budaya masyarakat Cina di negeri Terengganu banyak di dokong oleh persatuan-persatuan Cina dengan memperagakan budaya asal dari pelbagai etnik. Dalam kata lain, persatuan-persatuan Cina memainkan peranan membina semangat *esprit de corps* dalam kalangan komuniti ini yang selanjutnya bertindak agen mengintegrasikan sub etnik Cina di negeri Terengganu. Suasana dan iklim pembentukan budaya masyarakat Cina di negeri Terengganu memperlihatkan wujudnya korelasi dengan budaya masyarakat Melayu tempatan. Penerimaan budaya Melayu yang terserlah dalam kehidupan seharian mencerminkan bahawa cara hidup masyarakat Cina di negeri Terengganu yang agak fleksibel, mudah berakulturasi dan bersifat terbuka terhadap pengaruh persekitaran.

---

<sup>46</sup> Tan Yao Sua et al., "Maintenance and propagation of Chinese culture in a Malay state: the roles of the Chinese associations in Kuala Terengganu", 445.

### 3.6 Sosioekonomi Masyarakat Cina Negeri Terengganu

Dalam kajian Kim Hui Lim dan Wan Mun Har, komuniti Cina di Malaysia dilihat sebagai dinamik dalam ekonomi berbanding bangsa-bangsa lain.<sup>47</sup> Dalam konteks negeri Terengganu, laman sesawang Terengganu Tourism menyatakan sebagaimana berikut:-

*“Perhaps it is a stereotype, the Chinese are regarded as Malaysia's businessmen, having succeeded in many industries. This can be seen from the stroll of shophouses along China town on Jalan Bandar, Kuala Terengganu with back entrances and jetties for loading and uploading good from boats in those days”.*<sup>48</sup>

Yunus Ma dalam kajiannya menyatakan sebahagian kecil masyarakat Cina terlibat dalam kegiatan pertanian seperti menanam sayur, getah dan ternakan ayam. Mereka juga tinggal di kawasan perumahan di pinggir bandar bagi memudahkan urusan kehidupan mereka di bandar-bandar.<sup>49</sup> Boleh dikatakan persatuan *Terengganu Chinese Chamber* berperanan sebagai penggerak kepada kegiatan ekonomi etnik-etnik Cina di negeri Terengganu. Selain daripada itu kegiatan ekonomi masyarakat Cina bergerak di bawah persatuan yang lebih khusus misalnya Persatuan Pembinaan Terengganu, Persatuan Fotografi Terengganu, Persatuan Kedai Kopi, Hotel & Restoran, Persatuan Perkayuan Terengganu, *Terengganu Tailor Association*, Persatuan Kilang Papan Terengganu dan Persatuan Peniaga-Peniaga Biskut Terengganu.<sup>50</sup> Komuniti Cina Terengganu juga menubuhkan pelbagai persatuan sukarela yang memainkan peranan penting dalam mencorakkan dimensi sosial mereka. Antaranya Persatuan Alumni Wei Sin Terengganu, Persatuan Alumni Chung Ling Terengganu, Pertubuhan Kebudayaan Cina Malaysia, Persatuan Hainan Terengganu, Persatuan Hokkien Terengganu, Persatuan Hin Ann

---

<sup>47</sup> Kim Hui Lim dan Wan Mun Har, “Islamic State and Malaysian Chinese Politics: A Rhetorical Study of Selected Political Advertisements in the Local Chinese Media during the 11th Malaysian General Election Campaign”, *Journal Politic and Law* vol.1. No 1. (2008), 29.

<sup>48</sup> “Ethnic Profile”, dicapai pada 11 November 2012, <http://tourism.terengganu.gov.my>.

<sup>49</sup> Zheng, Yunus Ma Abdullah. “Persepsi Orang Cina di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam”, 69.

<sup>50</sup> “Business / Rural / Other Groups”, dicapai pada 20 Oktober 2012, <http://www.tccci.org.my>.

Terengganu, *Terengganu Kwang Tung Association*, Persatuan Teoh Chew Terengganu, Persatuan Chin Kang Terengganu, Persatuan Nam Ann Terengganu.<sup>51</sup> Justifikasi persatuan ini ditubuhkan adalah untuk menjaga kepentingan komuniti Cina khususnya yang menyentuh tentang dialek dan wilayah asal, fungsi sosial, bentuk budaya, sukan, keagamaan dan sebagainya. Dalam usaha menjaga kepentingan sosial komuniti Cina telah juga dikaitkan dengan peranan yang dimainkan oleh badan-badan sukarelawan Cina. Ternyata, integrasi sosioekonomi Melayu dan Cina di negeri Terengganu dilihat sebagai satu proses mendekati lagi hubungan antara kaum yang berbeza agama. Boleh dikatakan komuniti Cina terlibat sebagai peniaga, pembekal dan pemborong manakala sebagai pembeli dan pekerja terdiri dari kalangan masyarakat Melayu. Wujudnya pergantungan ini, melonggarkan sikap prasangka serta persengketaan sesama mereka. Dalam kata lain, hubungan sosio-ekonomi masyarakat Cina dan Melayu ini merintis kepada pembentukan jalinan hubungan etnik yang lebih luas dan harmonis.

### **3.7 Masyarakat Cina Terengganu Dari Aspek Agama**

Tan Chee Beng merujuk ‘Agama Cina’ yang merangkumi agama Buddha, Taoisme dan Confucianisme sebagai *Baishen* iaitu memuja dewa dan *Baifo* iaitu penyembahan kepada Buddha. Sistem kepercayaan yang merupakan anutan terbesar komuniti Cina di Malaysia ini berpaksi kepada unsur-unsur sakral dan nilai yang dibawa terus dari Tanah Besar China. Dalam konteks masyarakat Cina Terengganu yang berbilang sub etnik dan kepercayaan, ternyata ajaran Buddha, Taoisme dan Confucianisme juga melatari sistem kepercayaan komuniti ini di negeri Terengganu.<sup>52</sup> Realiti di atas menjelaskan secara ringkas tentang latar belakang agama tradisional masyarakat Cina di Malaysia termasuk

---

<sup>51</sup> *Ibid.*, <http://www.tccci.org.my>.

<sup>52</sup> Zheng, Yunus Ma Abdullah, “Persepsi Orang Cina di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam”, 77.



di negeri Terengganu. Biarpun begitu, pengaruh persekitaran dan kelunturan terhadap keyakinan ‘Agama Cina’, menyebabkan masyarakat Cina melakukan konversi kepada agama yang bukan berlatar kehidupan tradisi masyarakat Cina asal.

Yunus Ma mengupas lebih lanjut tentang ajaran Confucius di negeri Terengganu. Beliau menyatakan bahawa masyarakat Cina memberi perhatian kepada ajaran Confucius khususnya dalam aspek pekerjaan dan pendidikan. Ajaran Confucius yang berkaitan tentang ketenteraman hidup dan kekayaan mengisyaratkan betapa pengaruh Confucius hidup dalam masyarakat Cina Terengganu. Dalam aspek pendidikan, Sekolah Kebangsaan Chung Hwai Wei Seng di Kuala Terengganu memberi penekanan ajaran Confucius dalam kehidupan seperti berkasih sayang, hubungan yang baik antara anak dengan ibu bapa, adik dengan abang dan rakan taulan.<sup>53</sup> Selain daripada itu, masyarakat Cina menzahirkan inti pati ajaran Confucius melalui amalan pemujaan nenek moyang dan orang yang telah meninggal dunia sebagai suatu penghormatan.<sup>54</sup> Apabila diteliti dan diamati, pengkaji tidak menemui persatuan Confucius di negeri Terengganu. Disebabkan ajaran ini lebih bercorakkan falsafah hidup, dilihat masyarakat Cina tidak menzahirkan pegangan ajaran ini dalam bentuk penyembahan dan ritual. Justeru, ajaran Confucius tidak diinstitusikan seperti mana agama-agama lain di negeri ini. Mengukuhkan kenyataan ini Tan Chee Beng menyatakan bahawa ajaran Confucius sebenarnya merupakan sistem etika dan falsafah kerana Confucius dan pengikutnya tidak pernah membina sistem agama.<sup>55</sup> Biarpun begitu, ajaran Confucius mempromosikan satu sistem etika yang cukup berhubungan dengan ‘Agama Cina’. Kurangnya sistem etika yang koheren dalam Buddha dan Taoisme (Agama Cina)

---

<sup>53</sup> *Ibid.*,79.

<sup>54</sup> Ann Wan Seng, *Biar Orang Cina Pimpin Islam*, (Ampang: Mihas Grafik Sdn Bhd, 2011), 117-118.

<sup>55</sup> Tan Chee Beng, “Agama Cina di Malaysia: Satu Pandangan Umum”, 100.

menjadikan pengajaran Confucius diberi perhatian dalam kehidupan masyarakat Cina. Dalam tradisional Cina, agama dan etika merupakan dua aspek yang berbeza.<sup>56</sup> Masyarakat Cina di negeri Terengganu lebih memahami dan menghayati falsafah ajaran Confucius dalam suasana akademik. Lantaran itu, pengajaran nilai-nilai yang baik seperti menghormati orang tua, hubungan dengan keluarga dan hubungan adik-beradik diberi penekanan sejak sekolah rendah lagi. Melalui temu bual yang dilakukan dengan masyarakat Cina Muslim bagi melihat pengalaman keagamaan sebelum Islam, didapati responden tidak membicarakan aspek-aspek ajaran Confucius. Dalam kata lain, responden lebih banyak terdedah aspek-aspek pengajaran agama Buddha dan Taoisme. Ini menunjukkan ajaran Confucius tidak diamalkan dengan ritual-ritual yang khusus tidak sepertimana agama Buddha dan Taoisme.

Gambar 3.1: Sesi temu bual yang dijalankan dengan Presiden Persatuan Buddha .



Sumber: Temu bual

Selanjutnya Tan Chee Beng menyatakan “Buddhisme Cina” di Malaysia tidak menampakkan satu sistem agama yang bebas. Namun begitu, ia merupakan agama yang mempunyai kredibiliti yang tinggi dalam mempengaruhi kehidupan orang Cina di

---

<sup>56</sup> *Ibid.*,106.

Malaysia.<sup>57</sup> Dalam konteks negeri Terengganu, masyarakat Cina berhijrah ke Terengganu membawa bersama kepercayaan Buddha dari Tanah Besar Cina. Masyarakat Cina Terengganu kebanyakannya berpegang kepada campuran ajaran Buddha Mahayana-Theraveda.<sup>58</sup> Komuniti Cina menjadikan Persatuan Buddha Terengganu *platform* yang utama mendalami pengajaran agama Buddha. Melalui temu bual yang dijalankan dengan presiden Persatuan Buddha Terengganu, beliau menjelaskan bahawa antara 3 asas pengajaran utama Buddha ditekankan dalam pengajaran agama Buddha di negeri ini ialah ajaran tentang *Dana* iaitu melakukan sedekah, yang kedua ajaran tentang *Sila* iaitu mengikuti 5 peraturan yang terdiri daripada larangan membunuh, larangan mencuri, larangan membuat perkara yang tidak bermoral kepada ahli keluarga, larangan bercakap bohong dan; larangan merosakkan badan dengan mengambil makanan seperti arak atau dadah, manakala ajaran yang ketiga ialah *Bhavana* yang mengajar penganutnya agar mengosongkan minda melalui meditasi bagi menghapuskan unsur-unsur yang tidak sepatutnya ada dalam minda. Selain itu, peranan mempromosikan pengajaran agama Buddha dalam kalangan komuniti Cina ini juga direalisasikan oleh Persatuan Buddhist Vihara dan Persatuan Nichiren Buddhisme. Walaupun bentuk ritual yang dilakukan oleh persatuan-persatuan ini adalah berbeza, namun setiap persatuan mempunyai matlamat yang sama iaitu mencorakkan penganut Buddha agar taat setia terhadap ajaran agama. Persatuan Buddha Vihara Terengganu berpusat di Jalan Air Jernih, Kuala Terengganu, Persatuan Nichiren Buddhisme di Marang dan Wakaf Tapai manakala Persatuan Buddha Terengganu berpusat di Jalan

---

<sup>57</sup> *Ibid.*,114.

<sup>58</sup> Mahayana merujuk kepada satu aliran Buddha yang dibangunkan di India Utara dan Asia Tengah pada abad pertama SM. Aliran ini menjadi anutan majoriti masyarakat Nepal, Sikkim, Tibet, China, Mongolia, Vietnam, Korea dan Jepun. Di Malaysia The Pure Land dan Nichiren Daishonin Buddhism merupakan aliran Mahayana yang terkenal. Aliran Theraveda banyak ditemui di Thailand, Burma, Kemboja, Laos dan Sri Langka. Lihat dalam Teoh Eng Soon, *Malayan Buddhism A Critical Examination* (Singapore: Eastern Universities Press Ltd, 1963), 27.

Syed Zain, Kuala Terengganu. Selain beroperasi di Kuala Terengganu, badan Buddha yang terbesar ini juga mempunyai cawangan di Jerteh, Dungun, Paka dan Kemaman. Persatuan Buddha Terengganu mewakili masyarakat Buddha yang terbesar di negeri Terengganu dengan mempunyai lebih daripada 2000 keahlian di daerah Kuala Terengganu.<sup>59</sup> Ann Wan Seng menjelaskan bahawa dalam konteks ajaran Buddha, banyak elemen dan unsur tradisi Cina dimasukkan.<sup>60</sup> Selain unsur tradisi budaya Cina dimasukkan dalam ritual agama Buddha, masyarakat Cina di negeri ini terpengaruh dengan unsur-unsur Buddha Theraveda yang disampaikan oleh sami-sami yang dibawa masuk dari Thailand. Walaupun wujud perbezaan dalam pelaksanaan ritual dalam aliran Mahayana dan Theraveda, namun bagi masyarakat Cina perkara ini bukanlah satu masalah besar memandangkan kebanyakan daripada mereka melaksanakan upacara keagamaan Buddha mengikut rasa keperluan.<sup>61</sup> Tonggak kepada pengajaran Buddha ialah *dharma*. Persatuan Buddha Negeri Terengganu memainkan peranan dalam mempromosikan ahlinya ajaran *dharma*, membiasakan ahli dengan pengajaran Buddha, memupuk hubungan yang baik antara kaum melalui saluran pendidikan dan; menggalakkan ahli dan masyarakat awam mengamalkan hidup yang sihat. Antara aktiviti yang dijalankan oleh persatuan ini ialah pengajaran pendidikan moral kepada kanak-kanak melalui kelas tadika, melaksanakan upacara perkahwinan dan bimbingan rumah tangga oleh sami, mengadakan kelas *dharma* bagi penganut Buddha, mengadakan kem bahasa Inggeris dan kem pengajian *dharma*. Malah didapati dalam

---

<sup>59</sup> Wong Choon Kheng, (Presiden Persatuan Buddha Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 23 Mac 2013.

<sup>60</sup> Ann Wan Seng, *Biar Orang Cina Pimpin Islam*, 116.

<sup>61</sup> Wong Choon Kheng, (Presiden Persatuan Buddha Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 23 Mac 2013.

kalangan kanak-kanak berbangsa Melayu belajar di tadika<sup>62</sup> yang dikelolakan oleh Persatuan Buddha Terengganu.<sup>63</sup> Berdasarkan kepada kenyataan di atas dan pemerhatian pengkaji sendiri ketika berada di kompleks Persatuan Buddha Terengganu, dapat dijelaskan bahawa pengajaran Buddha tidaklah semestinya rigid dan terikat tetapi nampak lebih luwes dan longgar demi penyesuaian terhadap kategori penganutnya. Mengambil kira majoriti masyarakat Cina tinggal di Kuala Terengganu, jumlah keahlian 2000 orang menunjukkan bahawa Persatuan Buddha Terengganu berhadapan cabaran getir dalam menarik minat masyarakat Cina mendekati agama ini. Justeru, Wong Choon Kheng menyatakan bahawa dasar kerajaan yang tidak membenarkan kuil Buddha didirikan kerana bilangan ahli tidak mencukupi 2000 orang menyebabkan masyarakat Cina lebih tertumpu ke kuil Taoisme<sup>64</sup> yang berselerak di negeri Terengganu dan telah berusia ratusan tahun.<sup>65</sup> Biarpun begitu, melalui data-data pengislaman yang diperoleh dari tahun 2008 - 2011 mendapati sebahagian besar daripada masyarakat Cina yang melakukan konversi agama adalah berasal dari agama Buddha.

Berbalik semula kepada agama Taoisme, istilah ‘Taoisme’ dikatakan agak mengelirukan kerana kepercayaan ini mengandungi dwi sistem iaitu falsafah dan agama. Konsep *dao* sering kali diterjemahkan sebagai *way* (jalan) yang merujuk kepada hubungan manusia dengan alam.<sup>66</sup> Menurut Yunus Ma walaupun masyarakat Cina di negeri Terengganu tidak berpegang kepada falsafah Tao secara komprehensif, namun

---

<sup>62</sup> Menurut Wong Choon Kheng, masyarakat Melayu menghantar anak-anak belajar di Tadika yang dikelolakan persatuan untuk belajar bahasa Mandarin sebelum melanjutkan pendidikan di Sekolah Rendah Kebangsaan Jenis Cina.

<sup>63</sup> Wong Choon Kheng, (Presiden Persatuan Buddha Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 23 Mac 2013.

<sup>64</sup> Masyarakat Cina yang tiba ke negeri Terengganu membina kuil-kuil Taoisme di penempatan mereka memandangkan kepercayaan tersebut mempromosikan keutuhan nilai kekeluargaan yang menjadi tulang belakang kepada penyembahan nenek moyang. Lihat dalam Cheong Meng Ngai, “Sejarah Kedatangan Dan Penempatan Orang Cina di Kuala Terengganu (1800-1940)”, 88-90.

<sup>65</sup> Wong Choon Kheng, (Presiden Persatuan Buddha Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 23 Mac 2013.

<sup>66</sup> Tan Chee Beng, “Agama Cina di Malaysia: Satu Pandangan Umum”, 107.

begitu mereka mengamalkan ritual Taoisme yang dikatakan boleh mendatangkan kebaikan dan kejayaan dalam kehidupan mereka. Misalnya amalan menolak roh-roh jahat dan menghormati orang tua, berbuat baik kepada ibu bapa, membenci pertelingkahan dan tidak menyakiti seseorang. Suatu kelaziman bagi masyarakat Cina yang berpegang kepada Tao ini ialah memakai perhiasan yang berwarna-warni, dan memakai topeng berbagai bentuk semasa upacara tarian dijalankan.<sup>67</sup> Jika diperhalusi, sesungguhnya masyarakat Cina negeri Terengganu telah lama berpegang kepada ajaran-ajaran Taoisme<sup>68</sup> memandangkan telah wujud kuil-kuil Tao yang telah berusia ratusan tahun di negeri ini. Dalam ajaran Taoisme, ritual keagamaan lebih tertumpu kepada sembah kepada dewa-dewa dan para pahlawan. Walaupun terdapat banyak kuil-kuil ibadat Taoisme di negeri Terengganu seperti tokong Sam Poh Kong, Jeram, Hulu Nerus, Tokong Yong An Konglot, Rumah Berhala Thai Tze, Kampung Batu Lima, Dungun, Tokong Teck Choon Ong, Kampung Tirok di Serada, namun masih belum didapati persatuan Taoisme yang khusus di negeri ini. Selain daripada itu, bilangan tokong-tokong Taoisme di negeri Terengganu lebih banyak dan lebih tua daripada tokong Buddha yang sedia ada.<sup>69</sup> Tan Yao Sua et al. menjelaskan bahawa kuil-kuil Taoisme di negeri Terengganu bernaung di bawah Persatuan-Persatuan Etnik Cina. Sebagai contoh Persatuan Hainan Terengganu menguruskan kuil Tian Hou Gong manakala Persatuan Hokkien Terengganu menguruskan kuil He An Gong.<sup>70</sup> Oleh sebab bilangan kuil Taoisme di negeri Terengganu lebih banyak daripada kuil Buddha, keadaan ini sering kali menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Cina

---

<sup>67</sup> Zheng, Yunus Ma Abdullah, "Persepsi Orang Cina di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam", 87.

<sup>68</sup> Dianggarkan 0.01% daripada penduduk negeri Terengganu berpegang kepada ajaran Confucius dan Taoisme yang terdiri daripada masyarakat Cina. Lihat dalam "Terengganu", dicapai 5 Disember 2012, [http://www.necf.org.my/newsmaster.cfm?action=view&menuid=45&retri\\_eveid=704](http://www.necf.org.my/newsmaster.cfm?action=view&menuid=45&retri_eveid=704).

<sup>69</sup> Cheong Meng Ngai, "Sejarah Kedatangan Dan Penempatan Orang Cina di Kuala Terengganu (1800-1940)", 88-90.

<sup>70</sup> Tan Yao Sua et al., "Maintenance and propagation of Chinese culture in a Malay state: the roles of the Chinese associations in Kuala Terengganu", 445.

sendiri, komuniti bukan Cina dan pihak kerajaan sendiri. Menurut Wong, kerajaan mengagihkan dana kepada rumah-rumah ibadah masyarakat Cina berdasarkan bilangan rumah ibadah bukannya kepada jumlah keahlian. Ekoran daripada itu, peruntukan yang kecil diperoleh oleh kuil Buddha memandangkan bilangan kuil Taoisme lebih banyak walhal Persatuan Buddha Terengganu cawangan Kuala Terengganu mempunyai keahlian lebih daripada 2000 orang dan majoriti masyarakat Cina di negeri Terengganu berpegang kepada ajaran Buddha.<sup>71</sup> Mengikut Wang Gungwu, Taoisme dan Buddha agak sukar dibezakan kerana banyak unsur-unsur tahyul, sihir dan penilikan nasib dimasukkan dalam sistem beragama.<sup>72</sup> Malahan juga percampuran elemen-elemen lain dalam Taoisme bukan hanya dari agama Buddha. Dalam konteks negeri Terengganu, Tan Chee Beng menyatakan bahawa masyarakat Cina Terengganu melakukan adaptasi dalam pemujaan dengan memasukkan unsur-unsur tahyul dan khurafat yang wujud dalam masyarakat Melayu seperti mempercayai adanya penunggu, hantu, keramat dan sebagainya.<sup>73</sup> Perihal ini juga diakui oleh Wong yang menyatakan bahawa sama ada sedar atau tidak, kebanyakan masyarakat Cina di negeri Terengganu mengamalkan ajaran Taoisme. Beliau menjelaskan sebagaimana berikut:

*“Most of Chinese in Terengganu are Taoisme whether they know or don’t know. Because the concept of hormat orang tua...so they start with ancestor worship...kita letak memorial tablet untuk orang mati dalam rumah dia ada elemen Taoisme la. Percaya penjaga atau dewa-dewa itu adalah unsur Taoisme la”*<sup>74</sup>

Ini menjelaskan bahawa walaupun masyarakat Cina di negeri Terengganu mengakui berpegang kepada agama Buddha, namun dalam masa yang sama banyak elemen-

---

<sup>71</sup> Wong Choon Kheng, (Presiden Persatuan Buddha Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 23 Mac 2013.

<sup>72</sup> Wang Gungwu, *Kebudayaan Cina*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 1978), 9.

<sup>73</sup> Abd Wahid Jais & Faezah Kassim, “Unsur-Unsur Kepercayaan Orang Melayu Dalam Kepercayaan Orang Cina”, 61.

<sup>74</sup> Wong Choon Kheng, (Presiden Persatuan Buddha Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 23 Mac 2013.

elemen Taoisme diamalkan dalam kehidupan seharian mereka. Kepercayaan tahyul dalam Taoisme ini bukan hanya dibawa dari Tanah Besar Cina malah berlaku juga penambahan dalam ritual mengikut kehendak penganutnya. Dalam kata lain didapati dalam kalangan masyarakat Cina Taoisme Terengganu mengamalkan unsur-unsur tahyul yang diadaptasi dari persekitaran kehidupan masyarakat Melayu setempat.

Selain daripada itu, ritual yang dikenali ‘penyembahan nenek moyang’ pada hari ini telah berkembang menjadi suatu sistem agama yang tersendiri. Walaupun banyak unsur-unsur berorientasikan keharmonian keluarga dimasukkan dalam ritual ini, namun amalan penyembahan nenek moyang bukan diasaskan oleh Confucius.<sup>75</sup> Orang tua yang meninggal dunia akan disembah kerana ia mempunyai jurai keturunan keluarga. Kebiasaannya anggota keluarga akan berkabung selama 100 hari dengan memakai secebis kain di lengan bergantung kepada statusnya dalam keluarga. Antara perkara yang diberi perhatian oleh komuniti Cina ialah Perayaan *Ching Ming* yang merupakan suatu bentuk ritual memperingati nenek moyang dan saudara mara yang meninggal dunia. Kebiasaannya juga satu ruang khusus untuk melaksanakan upacara penyembahan nenek moyang yang telah meninggal diletakkan dalam rumah. Selain daripada itu, masyarakat Cina Terengganu juga menyembah “Datuk”.<sup>76</sup> Pada kebiasaannya juga rumah kecil berwarna merah didirikan dan dipersiapkan dengan makanan untuk disembah. Cheong Meng menyatakan bahawa, masyarakat Cina di negeri Terengganu banyak menubuhkan persatuan-persatuan yang berteraskan kematian bagi menguruskan

---

<sup>75</sup> Tan Chee Beng, “Agama Cina di Malaysia: Satu Pandangan Umum”, 100.

<sup>76</sup> Datuk merujuk kepada penyembahan roh-roh orang Melayu yang beriman. Masyarakat Cina percayai bahawa upacara sembahyang kepada roh-roh orang Melayu yang beriman mesti dilakukan kerana mereka tinggal negeri orang Melayu. Lihat dalam Abd Wahid Jais & Faezah Kassim, “Unsur-Unsur Kepercayaan Orang Melayu Dalam Kepercayaan Orang Cina”, 54.



segala perihal yang berkaitan.<sup>77</sup> Pengalaman pra konversi seorang responden yang asalnya beragama Buddha menceritakan upacara penyembahan dalam urusan pengebumian sebagaimana berikut:

“Kalau emak saya mati saya pergi.. tapi orang Melayu dok wi (tidak bagi) pergi.. bila saya pergi saudara mara memang ramai.. dia pun masing-masing mari duduk dekat saya dia tanya boleh pergi mari (datang).. saya kata boleh mari Cuma syaratnya, satu tok leh pergi sembahyang.. pastu waktu gi kubur saya boleh pergi kubur ..pastu tu kan ia kena likung (mengelilingi) semua ..pastu saya gi tengok bila wak turun mayat tuu. Lepas tuu .. bila nak kambus tuu dia kata kena kepal tanah , hok tu dari segi dia punya adat saya pun *confuse* takut ada unsur agama sebab dia ada sembah ..sebut dia lepor (lontar) pertama dia ada sebut gini-gini.. saya pun kata dok boleh hak ni... adat orang Cina pergi kat mayat tuu kena nangis, paksa nangis jadi amende tu wajib... saya kata dalam Islam amende tu dok leh nangis...Bila saya gitu dia pun senyap ah dok kate amende ahh... Memang pada masa tu segelintir saudara mara pandang saya serong..tapi macam adik beradik ye mari ah buat dengan kita apa semua ... pastu ayah saya bila mak saya mati tuu..saya ada ah kabor ni boleh makan ni takleh makan macam air, kuih ... pastu masa gali kubur tu orang ada ah khabar ni kena pakai...pastu saya kata ni keagamaan saya kata ni dok leh pakai .. Cuma saya kata ok sebagai nak menghormati saya pakai jugak tali hak ikat warna merah... dicucuk ngen jarum”<sup>78</sup>

Ujaran responden di atas menceritakan tentang situasi ritual upacara pengebumian apabila berlakunya kematian dalam kalangan keluarga. Jelasnya, walaupun masyarakat Cina menganut agama Buddha, wujud kombinasi kepelbagaian amalan dalam kehidupan beragama masyarakat Cina di negeri Terengganu seperti memakai pakaian tertentu dan mengikat kain pada lengan. Sebagai tanda peringatan, si mati dimakamkan di kawasan perkuburan yang khusus walaupun tidak jelas anutan kepercayaan. Amalan penyembahan terhadap roh si mati masih menjadi turut membentuk falsafah keagamaan masyarakat Cina di negeri Terengganu. Gabungan-gabungan upacara agama dan

---

<sup>77</sup> Cheong Meng Ngai, “Sejarah Kedatangan Dan Penempatan Orang Cina di Kuala Terengganu (1800-1940)”, 95.

<sup>78</sup> Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012. Sebelum memeluk agama Islam, responden merupakan seorang yang aktif dalam aktiviti agama Buddha.

kebergantungannya dianggap menjadi pelindung dan dimanifestasikan melalui penghormatan terhadap nenek moyang.

Komuniti Cina merupakan etnik yang menganut pelbagai agama, selain daripada menganut 'agama Cina', ramai daripada komuniti ini memilih untuk melakukan konversi agama Kristian. Berdasarkan Laporan Banci Penduduk dan Perumahan (2000), bilangan komuniti Cina yang beragama Kristian di Malaysia ialah sebanyak 26%.<sup>79</sup> Manakala bilangan masyarakat Kristian di negeri Terengganu hanya seramai 2641 orang. Jumlah ini merupakan 0.3% daripada jumlah penganut Kristian di Malaysia.<sup>80</sup> Komuniti Kristian di negeri Terengganu terdiri daripada keturunan masyarakat Kristian yang telah lama tinggal di negeri ini. Selain daripada itu, mereka terdiri daripada golongan yang melakukan migrasi yang kebanyakan mengalami kesukaran dalam kehidupan yang memerlukan kebajikan dan hanya sebahagian kecil masyarakat Cina asal negeri ini melakukan konversi agama.<sup>81</sup> Penyebaran agama Kristian ke negeri Terengganu direkodkan bermula pada tahun 1828 apabila mubaligh Kristian iaitu M. Medhurst datang memperkenalkan agama ini kepada masyarakat Cina yang tinggal di Kuala Terengganu.<sup>82</sup> Bertitik tolak dari itu, agama Kristian mula bertapak di negeri Terengganu melalui konversi bukan Muslim khususnya dalam kalangan masyarakat Cina yang tinggal di bandar. Justeru, Pastor Stephen Chan menyatakan bahawa terdapat 10 buah rumah ibadah Kristian di Kuala Terengganu yang kebanyakannya menyewa di rumah-rumah kedai di bandar-bandar utama Terengganu. *Terengganu Presbyterian Church* merupakan gereja yang tertua didirikan pada tahun 1963 oleh An Li Xun dan Lu

---

<sup>79</sup> Laporan Am Banci Penduduk dan Perumahan, (Putrajaya: Jabatan Statistik Malaysia, 2000)

<sup>80</sup> Bancian Jabatan Perangkaan Malaysia (2010).

<sup>81</sup> Stephen Chan Mung Koon, (Pastor St Andrew's Church), dalam temu bual dengan penulis 20 Mac 2013.

<sup>82</sup> Khoo Kay Kim, "The Emergence of Plural Communities in The Malay Peninsula before 1874," in *Multicultural Malaysia, Past, Present and Future*, 14.

Tian Liang. Dalam konteks ini Pastor Stephen Chan menyatakan bahawa kedai-kedai yang disewa untuk dijadikan pusat keagamaan Kristian tidak dinamakan gereja tetapi dipanggil sebagai *Parish*. Hanya satu gereja sahaja yang terdapat di negeri Terengganu iaitu *Terengganu Presbyterian Church* di Jalan Air Jernih, Kuala Terengganu.<sup>83</sup> Direkodkan sehingga tahun 2001 seramai 400 orang Cina Terengganu yang menganut agama Kristian di Kuala Terengganu.<sup>84</sup> Manakala Pastor Stephen Chan menyatakan bahawa sehingga 2013 masyarakat Kristian di Kuala Terengganu adalah kebanyakannya dari bangsa Cina berjumlah lebih dari 800 orang.<sup>85</sup> Berdasarkan kenyataan di atas, dapat dijelaskan bahawa mubaligh-mubaligh Kristian mendirikan rumah ibadah mereka di bandar-bandar Terengganu kerana kebanyakan masyarakat Cina tinggal di bandar Terengganu. Biar pun begitu, Persatuan Kristian Terengganu mahu pun rumah-rumah ibadah mempunyai kekangan besar untuk menyampaikan ajaran kepada masyarakat Melayu. Ini sebagaimana dijelaskan oleh Pastor Stephen Chan sebagaimana berikut:

“Di Terengganu, [tidak boleh ada orang Melayu masuk] gereja .. kalau temu bual macam ini pun tak boleh ...sekarang pun tak boleh *actually* sebab Datin<sup>86</sup> yang ajak sebab kami kena banyak kali, orang Melayu masuk gereja ...[pihak JAKIM akan datang serbu kami]”<sup>87</sup>

Persatuan Kristian di Terengganu menumpukan perhatian dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan intelektual. Langkah yang paling awal dalam bidang pendidikan ialah menubuhkan tempat asuhan kanak-kanak, kelas pengajian agama pada setiap hari

---

<sup>83</sup> Stephen Chan Mung Koon, (Pastor St Andrew's Church), dalam temu bual dengan penulis 20 Mac 2013

<sup>84</sup> Zheng, Yunus Ma Abdullah, “Persepsi Orang Cina di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam”, 89.

<sup>85</sup> Stephen Chan Mung Koon, (Pastor St Andrew's Church), dalam temu bual dengan penulis 20 Mac 2013.

<sup>86</sup> Penulis ditemani oleh Datin Norhana Ng (Presiden MACMA Terengganu) dan beberapa rakan yang lain ketika menjalankan temu bual dengan Stephen Chan Mung Koon.

<sup>87</sup> Stephen Chan Mung Koon, (Pastor St Andrew's Church), dalam temu bual dengan penulis 20 Mac 2013

Khamis hingga Ahad, kelas *children ministry* dan *student ministry*.<sup>88</sup> Biar pun dalam kalangan komuniti Cina Terengganu melakukan konversi agama Kristian, didapati mereka masih dapat mengekalkan identiti dan jati diri sebagai bangsa Cina. Justeru, didapati tidak wujud perbezaan yang signifikan dari aspek gaya hidup, adat dan budaya pada sebelum dan selepas masyarakat Cina melakukan konversi agama Kristian. Biarpun begitu identifikasi Cina Kristian boleh dikenali melalui pemakaian lambang salib atau menggantung lambang tersebut di pintu masuk rumah bagi menunjukkan bahawa mereka adalah penganut Kristian Protestan. Manakala bagi masyarakat Cina yang berpegang kepada Katolik pula, gambar atau patung Jesus akan dilekatkan pada pintu masuk kediaman. Konversi agama Kristian di negeri Terengganu pada hari ini memperlihatkan pola yang agak perlahan memandangkan masyarakat Cina di negeri ini tidak mempunyai keperluan mendesak untuk melakukan penukaran agama sebagaimana pada waktu yang sebelumnya. Atas dasar ini, Persatuan Kristian Terengganu lebih menumpukan kepada soal kebajikan dan memberi pertolongan kepada golongan yang memerlukan.<sup>89</sup> Pastor Stephen Chan yang menyatakan sebagaimana berikut:

“Konversi dalam Kristian di Terengganu datangnya dari etnik Cina...namun begitu bagi orang Kristian ini susah sikit sebab Cina di Kuala Terengganu [mereka semua sudah selesai dan tidak ada keperluan]. Mereka sudah *satisfy* tentang keadaan mereka. Mereka ikut sajalah tradisional *worship* ...tak silap saya gereja yang pertama di sini sudah lebih 80 tahun tapi jemaah dia tidak lebih dari 100 orang... so sangat susah”.<sup>90</sup>

---

<sup>88</sup> Menurut Pastor Stephen Chan kelas ministry adalah bertujuan menggalakkan komuniti Kristian untuk membaca Bible dan menjadi manusia yang baik sebagaimana diajar dalam agama Kristian. Stephen Chan Mung Koon, (Pastor St Andrew’s Church), dalam temu bual dengan penulis, 20 Mac 2013.

<sup>89</sup> *Ibid.*

<sup>90</sup> *Ibid.*

Gambar 3.2: Pengkaji ditemani Presiden MACMA Terengganu menjalankan sesi temu bual dengan Stephen Chan Mung Koon di St Andrew's Church, Kuala Terengganu.



Sumber: Temu bual

Stephen Chan melihat situasi konversi masyarakat Cina di negeri-negeri Pantai Barat adalah berbeza dengan keadaan hidup masyarakat Cina di Terengganu yang merasa selesa dengan kehidupan yang sedia ada. Sebaliknya, konversi agama Kristian dalam kalangan masyarakat Cina di pantai Barat di dorong kepada kesukaran dalam hidup. Ini dijelaskan lagi sebagaimana berikut:

“Di sana (Pantai Barat Semenanjung) senang sikit sebab di sana ramai orang Cina yang miskin, mereka perlu bantuan dan pada masa itu gereja pergi masuk dan berikan pertolongan dan kebajikan dan mereka nampak *love, sincerity of Church*....lama kelamaan mereka akan masuklah”.<sup>91</sup>

Persatuan Kristian di negeri Terengganu juga berhadapan dengan cabaran dari kepimpinan kerajaan semasa yang tidak membenarkan lambang salib dipamerkan, penggunaan *signboard* gereja dan kesukaran untuk mendapat tanah untuk mendirikan gereja. Keadaan ini dilihat melambatkan proses penyebaran agama Kristian di Terengganu walaupun agama ini telah bertapak lebih 80 tahun di negeri ini.<sup>92</sup> Kewujudan rumah-rumah ibadah Kristian di pusat bandar Terengganu menunjukkan

---

<sup>91</sup> *Ibid.*

<sup>92</sup> *Ibid.*

para mubaligh cuba menarik perhatian masyarakat Cina yang tinggal di kawasan tersebut terhadap agama tersebut.

Secara keseluruhan dapat dijelaskan bahawa, terdapat dua kumpulan agama masyarakat Cina di negeri Terengganu iaitu kelompok yang mengekalkan kepercayaan diwarisi dari tanah besar China dan disesuaikan dengan pengaruh-pengaruh yang ada pada persekitaran. Kelompok pertama ini mewakili jumlah yang terbesar dalam komuniti Cina di negeri Terengganu. Manakala kelompok seterusnya iaitu masyarakat Cina yang melakukan konversi agama kepada Kristian dan Islam. Proses missionari yang sudah menjangkau ratusan tahun mendorong ramai dalam kalangan komuniti Cina untuk melakukan pemelukan agama Kristian. Mubaligh-mubaligh Kristian yang kebanyakannya terdiri dari kalangan masyarakat Cina sendiri mendirikan *Parish* (rumah ibadah Kristian) di bandar-bandar bagi mendekatkan masyarakat Cina kepada Kristian. Penulis akan memperincikan konversi masyarakat Cina kepada agama Islam dalam perbahasan yang lebih khusus. Justeru, dilihat bahawa perkembangan agama masyarakat Cina di negeri Terengganu banyak di dokong oleh persatuan-persatuan agama dan peranan yang dimainkan rumah-rumah ibadah.

### **3.9 Masyarakat Cina Dan Hubungan Antara Agama di Negeri Terengganu**

Realitinya, hubungan antara agama di negeri Terengganu amat berkait dengan perkembangan parti politik Melayu yang berlatar belakangkan Islam dan perjuangan bangsa Melayu. Komuniti Cina di negeri Terengganu merupakan kelompok bukan Muslim yang sangat kecil. Biarpun begitu, timbul isu-isu berkait dengan agama yang memerlukan penyelesaian terbaik di antara komuniti Melayu dan Cina. Sehubungan dengan itu, isu-isu agama yang melibatkan dua etnik ini diselesaikan melalui badan

politik masing-masing. Rasa tidak puas hati, geram dan marah komuniti Cina timbul apabila kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Tan Sri Wan Mokhtar Wan Ahmad tidak dapat menyelesaikan isu setingan Melayu yang tinggal di atas perkuburan Cina yang menyebabkan beberapa struktur kubur Cina mengalami kerosakan. Kadang kala isu yang melibatkan politik mengatasi segala-galanya. Menurut Tan Chee Beng, kerajaan Barisan Nasional (UMNO) tidak bertindak ke atas setingan Melayu yang mendirikan penempatan di atas tanah perkuburan Cina kerana mereka merupakan penyokong tegar Barisan Nasional (UMNO).<sup>93</sup>

Senario politik di negeri Terengganu memperlihatkan negeri ini pernah di kuasai oleh kerajaan PAS (1999-2004)<sup>94</sup> yang memperjuangkan Islam sebagai landasan pentadbiran negeri. Pun begitu, beberapa isu yang berkait masalah yang menyentuh hal ehwal agama komuniti Cina diselesaikan dengan baik oleh kepimpinan PAS antara masalah setingan yang tinggal di perkuburan Cina dan isu tentang tempat ibadah. Dengan demikian, Stephen Chan Mung Koon menyatakan bahawa dalam aspek yang tertentu kerajaan PAS lebih bertoleransi daripada kerajaan BN apabila PAS meluluskan tapak untuk mendirikan gereja di negeri Terengganu (gereja yang pertama di negeri Terengganu).<sup>95</sup> Justeru, Tan Chee Beng menyatakan bahawa komuniti Cina merasa lebih selesa berada di bawah pemerintahan kerajaan Barisan Nasional. Ini digambarkan melalui hubungan yang baik di antara ahli perniagaan Cina dan ahli politik UMNO. Walaupun wujud permasalahan yang berpunca dari sikap kakitangan kerajaan berbangsa Melayu yang nampak begitu rasis dan agak angkuh, namun konflik sedemikian

---

<sup>93</sup> Tan Chee Beng, *Chinese Minority in a Malay State: The Case of Terengganu in Malaysia*, 132.

<sup>94</sup> Negeri Terengganu telah ditadbir oleh kerajaan PAS di bawah kepimpinan Datuk Sri Abdul Hadi Awang setelah memenangi 28 kerusi daripada 32 kerusi DUN termasuk kerusi yang DUN Bandar yang sebelum ini dikuasai oleh parti MCA.

<sup>95</sup> Stephen Chan Mung Koon, (Pastor St Andrew's Church), dalam temu bual dengan penulis 20 Mac 2013.

diselesaikan melalui peranan parti MCA.<sup>96</sup> Selanjutnya, era berikutnya memperlihatkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat Cina terhadap tindakan kerajaan Barisan Nasional<sup>97</sup> mempromosikan imej Islam dalam sektor pelancongan dengan meruntuhkan replika penyu dan; menggantikannya dengan replika Batu Bersurat Terengganu serta Pembukaan Pusat Tamadun Islam di Pulau Wan Man. Dalam masa yang sama komuniti Cina di negeri Terengganu juga merasa berbelah bahagi terhadap dasar parti PAS yang menekankan sistem pentadbiran Islam di negeri ini. Namun begitu kebimbangan ini diluahkan sebagai mana berikut:

*“To them, the Terengganu Inscription Stone and the Islamic Civilisation Theme Park are merely Islamic symbols that have no practical impact on their way of life. This is in stark contrast to their defensive stand over the issues of cheongsam, alcoholic drinks, and the Islamic Penal Code discussed earlier”.*<sup>98</sup>

Berhubung kait dengan itu juga, Presiden Persatuan Buddha Terengganu menyatakan bahawa walaupun kerajaan di bawah pentadbiran PAS tidak mengganggu aktiviti yang dijalankan oleh persatuan, dasar yang diamalkan oleh parti tersebut sedikit sebanyak menimbulkan kegusaran terhadap perkembangan kebudayaan Cina<sup>99</sup> di negeri Terengganu.<sup>100</sup> Mengulas isu yang sama, Tan Yao Sua dan Kamaruddin menyatakan kesignifikan politik Cina bukan sahaja memberi peluang kepada pertubuhan Cina untuk

---

<sup>96</sup> Tan Chee Beng, *Chinese Minority in a Malay State: The Case of Terengganu in Malaysia*, 134.

<sup>97</sup> Setelah kerajaan Barisan Nasional mengambil alih negeri Terengganu dari kerajaan PAS di bawah kepimpinan Datuk Seri Idris Jusoh, ‘Slogan Islam Hadhari Terengganu Bestari’ dilancarkan. Dengan mengetengahkan idea yang dikatakan bersifat Islamik berbanding pada pemerintahan BN pada zaman Tan Sri Wan Mokhtar (1980-1999) adalah bertujuan menjaga kepentingan pengundi-pengundi yang inginkan program-program yang bersifat Islam.

<sup>98</sup> Tan Yao Sue & Kamaruddin, “Maintenance and propagation of Chinese culture in a Malay state: the roles of the Chinese associations in Kuala Terengganu”. *Asian Ethnicity* Vol. 13, No. 4, (September 2012), 460.

<sup>99</sup> Melalui pemerhatian pengkaji dan sesi penerangan oleh Presiden Persatuan Buddha Terengganu, didapati selain menyampaikan pengajaran tentang agama Buddha, kompleks ini juga mengadakan aktiviti kebudayaan seperti tarian tradisi masyarakat Cina, kaligrafi tulisan Cina, opera dan pertandingan fotografi.

<sup>100</sup> Wong Choon Kheng, (Presiden Persatuan Buddha Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 23 Mac 2013.



menangani isu-isu budaya malahan membolehkan MCA mendapat dana kewangan daripada kerajaan negeri bagi mendorong pertubuhan Cina menganjurkan aktiviti yang berskala besar. Walaupun proses sosialisasi Cina-Melayu mendedahkan komuniti ini kepada unsur-unsur agama Islam, didapati dasar yang dilakukan oleh kerajaan tentang agama Islam memberi reaksi yang kurang selesa terhadap sebahagian komuniti Cina di negeri ini.<sup>101</sup> Selain daripada itu, peranan media yang menggambarkan kelemahan Islam sedikit sebanyak memburukkan lagi persepsi mereka terhadap agama Islam. *Political mileage* ini digambarkan oleh Ridzuan Tee sebagaimana berikut:

“Persepsi masyarakat Cina menjadi semakin serius apabila media memperbesar isu-isu yang berhubung kait dengan agama Islam dan bangsa Melayu, terutama pertelagahan politik antara kerajaan (UMNO) dan pembangkang (khasnya PAS dan Keadilan). Isu agama dipergunakan sewenang-wenangnya tanpa memikirkan akibat dan kesan yang akan berlaku terhadap agama dan bangsa”.<sup>102</sup>

Kenyataan Tan Chee Beng dan Tan Yao Sua memperlihatkan bahawa hubungan yang berlaku komuniti Cina-Melayu khususnya dalam kalangan ahli perniagaan adalah disebabkan kepentingan ekonomi. Dalam kata lain, ‘hubungan politik’ berperanan mempengaruhi pola ekonomi masyarakat Cina di negeri Terengganu. Selain daripada itu, kedua-dua parti politik di negeri Terengganu yakni UMNO dan PAS memperagakan pelbagai nilai dan ciri-ciri keagamaan Islam untuk mempengaruhi masyarakat Melayu Muslim. Jadi, sekali gus ianya memberi impak yang secara langsung kepada komuniti Cina di negeri ini. Ini sebagaimana diakui oleh Wong bahawa sama ada disedari atau tidak, komuniti Cina terdedah kepada perihal agama masyarakat Melayu.<sup>103</sup> Gabungan nilai toleransi parti politik dan persekitaran masyarakat Muslim di

---

<sup>101</sup> Tan Yao Sua & Kamaruddin, “Pengekalan dan Penyebaran Budaya Cina di Sebuah Negeri Melayu”, 6-7.

<sup>102</sup> Ridzuan Tee, “Persepsi Orang Cina Terhadap Islam Hadhari”, *Jurnal Hadari* bil 1 (2009), 83.

<sup>103</sup> Wong Choon Kheng, (Presiden Persatuan Buddha Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 23 Mac 2013.

sekitar sedikit sebanyak menyumbang terhadap persepsi komuniti Cina terhadap agama Islam. Berdasarkan ujaran responden pra konversi, pandangan yang dikemukakan adalah sebagaimana berikut:

“Pada masa tu [saya rasa (pandangan terhadap agama Islam) biasa je] selalu bergaul dengan orang Islam .. tak timbullah rasa permusuhan terhadap orang Islam atau agama Islam”.<sup>104</sup>

“[Pandangan saya (terhadap agama Islam) biasa sahaja].. sebab kita terdedah dengan budaya orang Melayu, bila kita tengok tentang agama Islam tuu, kita banyak nak tahu, kenapa macam ni... keluarga saya agak liberal tapi bila bab Islam dia orang tok leh nak terima sebab Islam banyak pantang larang”.<sup>105</sup>

“[Saya ok je taklah anti masuk Islam]. Jiran-jiran saya kebanyakannya orang Melayu”.<sup>106</sup>

“[Saya berkawan dengan orang Melayu sejak kecil, jadi saya tak anti agama dia]... saya pegangan agama longgar (Buddha), jadi bila macam tuu saya banyak nak tahu tentang agama Islam sebab saya tengok orang Melayu kuat dalam agama dia”.<sup>107</sup>

Situasi di atas menunjukkan biarpun hubungan antara kaum diwarnai oleh dua ideologi parti politik yang berfahaman agama dan bercorak kebangsaan, namun ianya tidak memudarkan pandangan responden terhadap agama Islam. Dalam kata lain, rasa hormat terhadap agama Islam dan masyarakatnya kerana wujudnya keserasian dalam hubungan sosial yang telah lama berlangsung. Selain itu, timbul rasa pandangan negatif terhadap agama Islam kerana berpunca sikap komuniti Muslim. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Kalau tengok orang Melayu tu macam-macam mende yang tak baik kita tengok.. maknanya dia tak amalkan apa yang Islam suruh”.<sup>108</sup>

---

<sup>104</sup> Resp # 16 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

<sup>105</sup> Resp # 03 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 16 Oktober 2012.

<sup>106</sup> Resp # 18 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 8 Disember 2012.

<sup>107</sup> Resp # 13 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

<sup>108</sup> Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

Selanjutnya kelompok yang berwaspada dengan agama Islam kerana bimbang terpengaruh liabiliti tidak sihat tentang agama Islam khususnya dari pihak keluarga. Justeru, hubungan antara agama menampak sedikit tekanan daripada pihak keluarga. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Islam pun saya tak tahu berapa sangat sebab [mak pun tak bagi sangat kita bergaul dengan orang Melayu, dia takut kita terpengaruh]”.<sup>109</sup>

“Saya baca surat khabar, Utusan Malaysia, [saya tengok kolum bab agama sehingga abang saya baca sokmo (selalu) dia marah saya] ..tiap-tiap hari saya beli dan saya baca .. dia kata kamu jangan beli lagi surat khabar ni, kamu kena beli surat khabar bahasa Inggeris.”<sup>110</sup>

Dalam konteks hubungan kaum di Malaysia, Mujibu menyatakan bahawa tiga faktor memainkan peranan dalam mencorakkan polemik hubungan kaum di Malaysia iaitu peranan politik tradisional masyarakat Melayu Muslim sebagai kaum asal, peranan kaum imigran dan peranan penjajah Inggeris.<sup>111</sup> Ini bermakna, peranan politik tradisional komuniti Melayu Muslim sebagai kaum asal sememangnya mempunyai kaitan dalam pemupukan hubungan antara agama di negeri Terengganu. Pandangan Tan Yao Sua dan kenyataan presiden Persatuan Buddha Terengganu memperlihatkan bahawa persepsi masyarakat Cina di negeri Terengganu terhadap agama Islam adalah berhubung rapat dengan aplikasi toleransi parti-parti politik semasa. Menurut Kahn dan Greene, fenomena pemelukan agama di sesebuah tempat banyak bergantung kepada kuasa ekonomi, politik dan budaya serantau.<sup>112</sup> Hasil dapatan kajian daripada soal selidik yang diedarkan kepada 86 orang komuniti Cina Muslim dengan 37.2% menyatakan bersetuju, manakala 10.5% memilih sangat bersetuju bahawa iklim politik

---

<sup>109</sup> Resp # 04 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 13 November 2012.

<sup>110</sup> Resp # 13 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

<sup>111</sup> Mujibu Abd Muis, “Menangani Kerencaman Kaum dalam Proses Bina Bangsa: Cabaran dan Pengalaman Malaysia”. *Jurnal Sosiohumanika*, 5(2), (2012), 242.

<sup>112</sup> Kahn, P.J, & A. L. Greene, “Seeing Conversion Whole: Testing a Model of Religious Conversion”. *Pastoral Psychology* Vol. 52, No. 3, (January 2004), 235.

di negeri Terengganu mempengaruhi hubungan antara agama di negeri Terengganu. Jumlah yang sama menunjukkan responden mengakui bahawa persepsi yang negatif ahli keluarga terhadap agama Islam dan masyarakatnya menjadi cabaran dalam melaksanakan hubungan antara agama. Biar pun begitu, persepsi yang negatif tidak mewakili jumlah yang sepenuhnya. Gambaran ini dijelaskan sebagaimana jadual 3.2 di bawah:

Jadual 3.2: Persepsi Keluarga Cina Muslim Terhadap Agama Islam

Bil	Bah . E	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
103.	11.	Suasana politik persekitaran mempengaruhi hubungan antara agama dilaksanakan.	4 4.7%	27 31.4%	14 16.3%	32 37.2%	9 10.5%	3.17
104.	12.	Salah faham terhadap agama Islam menjadi penghalang hubungan yang baik dapat dijalinan dengan keluarga.	5 5.8%	22 25.6%	19 22.1%	32 37.2%	8 9.3%	3.18

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

### 3.10 Akulturasi Budaya Dalam Kalangan Masyarakat Cina Terengganu

Menurut Tan Chee Beng, wujud masyarakat Cina yang berakulturasi dengan budaya tempatan dengan mengekalkan agama asal. Beliau menyatakan “*they have number of a Malay Cultural features and they speak Kelantan or Terengganu Malay among themselves*”.<sup>113</sup> Konsep akulturasi atau perkongsian budaya dalam masyarakat Cina di negeri Terengganu bukan bersifat pemaksaan. Perkongsian budaya ini boleh diperhatikan dalam kehidupan seharian mereka dalam aspek pakaian, makanan, tempat tinggal dan bahasa. Shamsul menyatakan bahawa masyarakat Cina pada mulanya berdepan dengan kebudayaan asing sehingga unsur-unsur tersebut lambat laun diterima dan diolah ke dalam kebudayaan sendiri tanpa menyebabkan hilangnya keperibadian

<sup>113</sup> Tan Chee Beng, *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia And Singapore*, (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1993), 1.

kebudayaan asal.<sup>114</sup> Bagi komuniti Cina, walaupun tinggal di perkampungan Melayu dengan dilabelkan sebagai ‘Peranakan’ atau ‘Cina Kampung’, mereka masih menganggap diri mereka sebagai kelompok Hokkien kerana masih boleh bertutur bahasa Cina loghat Hokkien.<sup>115</sup> Ini menjelaskan bahawa wujud kelompok Cina di negeri Terengganu yang mempunyai dua identiti iaitu mengamalkan warisan kehidupan asal dari negara China dan membudayakan kehidupan seharian dengan kelaziman masyarakat Melayu setempat. Bagi melihat aspek-aspek perkongsian budaya masyarakat tempatan, dapatan kajian dari temu bual menjelaskan sebagaimana berikut:

“Makanan tak dok masalah.. dulu [mak masak cara Melayu sokmo].. sebab dok kapung Melayu... kadang Nurul [makan nasi dengan budu]je selera doh. Tak yoh (tidak perlu) lauk lain. Dulu ... [ayah pernah buat budu sendiri], pastu dia bagi-bagi kat kawan-kawan Melayu dia.”<sup>116</sup>

“Aktiviti saya boleh join sebab saya biasa bercampur gaul dengan orang Melayu, kita orang Cina Peranakan [makan pun macam orang Melayu guna tangan] ..kadang-kadang pakai sudu, chopstick ni jarang sangat”.<sup>117</sup>

“Cara hidup tuu boleh ikut lama doh ahh.. lepas masuk Islam tuu kemudian tuu bolehla..[makan nasi pun dengan tangan]”.<sup>118</sup>

“Dari segi makanan kebanyakan [masakan *stail* Melayu] sebab mak kita Hokkien kapung (kampung)”.<sup>119</sup>

“[Mak saya memang pakai kain gok], ia pun kawang ngen orang Melayu gok tapi masa remaja saya dok ngen nenek ...nenek saya pun pakai kain macam orang kapung (kampung)”.<sup>120</sup>

Berdasarkan petikan perbualan responden, dapat dinyatakan bahawa akulturasi yang dikesan meliputi aspek bahasa iaitu bertutur menggunakan loghat Terengganu asli manakala akulturasi dalam masakan pula iaitu menyediakan hidangan berasaskan menu

---

<sup>114</sup> Shamsul Amri Baharuddin, *Hubungan Etnik*, 16.

<sup>115</sup> Tan Chee Beng, *Chinese Minority in a Malay State: The Case of Terengganu in Malaysia*, 148

<sup>116</sup> Resp # 01 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 9 Oktober 2012.

<sup>117</sup> Resp # 06 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 14 November 2012.

<sup>118</sup> Resp # 03 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 16 Oktober 2012.

<sup>119</sup> Resp # 08 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

<sup>120</sup> Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

kebiasaan masyarakat Melayu Muslim dan termasuk juga penyediaan makanan yang popular dalam masyarakat tempatan seperti budu. Akulturasi dalam aspek pemakaian merangkumi cara kebiasaan masyarakat Melayu Muslim seperti memakai kain sarung. Dalam perihal ini, Tan Yao Sua memperhalusi dengan menyatakan bahawa akulturasi ketara boleh ditemui dalam kehidupan komuniti Cina Hokkien yang tinggal di perkampungan masyarakat Melayu Muslim. Memakai pakaian seperti kain sarung dan kain lepas; dan menyediakan makanan seperti masakan asam pedas, budu, pucuk paku, tempoyak merupakan kelaziman ditemui dalam budaya hidup masyarakat ‘Cina kampung’.<sup>121</sup> Namun begitu berdasarkan dapatan kajian di atas, wujud dalam kalangan bukan dari etnik Hokkien yang berakulturasi dengan budaya tempatan. Halimaton Heng merupakan suku Hakka banyak menggunakan bahasa Melayu loghat Terengganu. Beliau menjelaskan “Saya dok kawang dengan budak Cina sebab dia cakap Mandarin dan saya dok pandai cakap Mandarin sebab saya sekolah Melayu”.<sup>122</sup> Ini bermakna, pengaruh budaya Melayu bukan hanya meresap dalam kehidupan sub etnik Hokkien tetapi meliputi juga sub etnik yang lain yang tinggal di perkampungan Melayu. Semasa sesi temu bual dijalankan, penulis mendapati penggunaan perkataan Terengganu kampung seperti perkataan ‘brodong’ (berkawan), ‘peseng’ (perangai), ‘lepor’ (lontar), ‘tak mboh’ (tidak mahu), ‘tak dok aroh’ (tidak boleh buat apa-apa) dan ‘dok leh’ (tidak boleh). Ini menunjukkan masyarakat Cina di negeri Terengganu berakulturasi bahasa Melayu Terengganu dengan baik. Lee Yoke Fee menyatakan bahawa bahasa merupakan faktor terpenting dalam memmanifestasikan identiti masyarakat.<sup>123</sup> Justeru, perbezaan agama dilihat bukan menjadi penghalang bagi masyarakat Cina yang tinggal di kampung

---

<sup>121</sup> Tan Yao Sua, “Akulturasi Peranakan Cina di Tirok, Terengganu”, *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu* 2:2.(2011),161.

<sup>122</sup> Resp # 13 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

<sup>123</sup> Lee Yok Fee, ‘Identiti Harian Dalam Subjektiviti Cina Malaysia’, *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu* 2:2 (2011), 170.

bertutur dalam dialek Terengganu. Malah menurut Tan Yao Sua, masyarakat Cina Kampung tidak berasa janggal menggunakan dialek Melayu Terengganu sesama mereka.<sup>124</sup> Dalam konteks hubungan yang seterusnya, diperjelaskan oleh Mohd Sufri sebagaimana berikut:

“..... Cina Terengganu banyak mana sangat, Cina Terengganu kalau awak biasa pergi ke kampung Tirok, Serada dan Mak Kemas, Cina tersebut [dipanggil Cina Melayu]. Walaupun tidak memeluk Islam, masyarakat tersebut mengamalkan budaya Melayu, walaupun beragama Buddha. [Ramai di antara mereka berpindah ke Bandar Kuala Terengganu dan berkahwin dengan Cina Bandar], yang masuk Islam pun ramai, selebihnya masih mengamalkan cara hidup Melayu, mengamalkan kepercayaan perbomohan Melayu...”.<sup>125</sup>

Akulturas budaya masyarakat Melayu Muslim berkembang ke kawasan bandar seiring dengan penghijrahan masyarakat Cina yang tinggal di kampung ke bandar Terengganu. Namun begitu migrasi dan berkahwin dengan masyarakat Cina di bandar selanjutnya mendedahkan komuniti 'Cina Kampung' kepada budaya hidup yang rencam.<sup>126</sup> Mengambil kira penghijrahan dan perkahwinan intra etnik Cina, maka masyarakat 'Cina Bandar' (Cina Jati) turut menerima tempias budaya Melayu. Sehubungan dengan itu, Tan Chee Beng menyatakan sebagai mana berikut:

*“We can say that there is Terengganu Hokkien identity just like there is a Penang Hokkien identity in Penang. Both the Peranakan type and the non Peranakan type Hokkien have merged into a new local Chinese Malaysian Identity”.*<sup>127</sup>

Sebagaimana yang dijelaskan, akulturasi yang ketara boleh dilihat dalam kehidupan masyarakat Cina yang tinggal di perkampungan masyarakat Melayu Muslim. Dalam hal

---

<sup>124</sup> Tan Yao Sua, “Akulturasi Peranakan Cina di Tirok”, 158.

<sup>125</sup> Mohd Sufri Jaafar, (Pegawai Eksekutif PERKIM Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12 April 2012.

<sup>126</sup> Pada sub topik yang lepas dijelaskan bahawa selain etnik Hokkien, masyarakat Cina yang tinggal di bandar-bandar Terengganu terdiri dari etnik Kantonis, Hainan dan Hakka.

<sup>127</sup> Tan Chee Beng, *Chinese Minority in a Malay State: The Case of Terengganu in Malaysia*, 148.

ini, Tantri membahagikan akulturasi budaya kepada dua iaitu akulturasi damai (*penetration pasifique*) dan akulturasi ekstrem (*penetration violante*). Akulturasi damai ialah terjadinya unsur-unsur budaya asing tanpa paksaan dan tidak menyebabkan konflik. Manakala akulturasi yang ekstrem ialah unsur-unsur kebudayaan asing dari pihak yang menang dipaksakan untuk diterima di tengah-tengah masyarakat yang dikalahkan yang akhirnya menimbulkan ketidakseimbangan dalam masyarakat.<sup>128</sup> Dapatan seterusnya menyoroti bentuk akulturasi yang berbentuk paksaan, ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Saya [ada masalah makan masakan Melayu].. saya tak suka manis, saya mahu makan saya masak sendiri, saya tau masak.. anak-anak ikut isteri”.<sup>129</sup>

“Dia orang dok leh terima, [kita nak pakai *skirt* seme (semua) dia (keluarga Melayu) dok bagi], suruh pakai kain, kita ni panas.. kita ni dok pandai pakai kain sapa sekarang pun dok pandai pakai kain”.<sup>130</sup>

“[Masa raya, kita masak cara kitalah].. dia kata mu masak apa ni air saja.. kita rasa hati ahh sedangkan kita tak tau makan santan. Jadi dia orang tak makan, jadi kita masak sendirilah”.<sup>131</sup>

Bentuk yang kedua ini banyak ditemui dalam kehidupan masyarakat Cina yang tinggal di bandar dan masyarakat Cina yang berpindah ke Terengganu. Walaupun responden yang merupakan komuniti Cina tinggal di bandar berakulturasi bahasa Melayu dengan baik, namun tidak semua aspek kehidupan masyarakat Melayu Muslim boleh diterima dengan baik. Didapati responden Cina yang berasal dari luar Terengganu pula lebih selesa mengikuti budaya asal. Justeru, penerimaan secara terpaksa budaya masyarakat lain menimbulkan perasaan syak dan konflik dalaman dengan masyarakat tempatan.

---

<sup>128</sup> Tantri KusumaWardhani, *Akulturasi Mahasiswa Pribumi Di Kampus Mayoritas Tionghoa*, Universitas Gunadarma: Bogor. (2012 ), 2-3.

<sup>129</sup> Resp # 19 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 15 Disember 2012.

<sup>130</sup> Resp # 07(Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

<sup>131</sup> Resp # 09 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.



Masyarakat Cina di Malaysia merupakan realiti sosial yang dinamik. Namun kadang kala realiti sosial ini berubah kerana faktor keadaan, interaksi etnik dan perkembangan politik semasa.<sup>132</sup> Menurut Mujibu kadang kala berlaku akulturasi sebagai pemangkin tetapi ianya hanya berlaku di peringkat permukaan dan bersifat keraian (*ceremonial*), misalnya pinjam-meminjam unsur dan kelakuan serta budaya kelompok lain seperti makanan dan pakaian.<sup>133</sup> Masyarakat Cina yang tinggal di bandar terdiri daripada kelompok yang telah berakulturasi dan kelompok yang turut terkesan dengan budaya masyarakat Melayu Muslim. Biarpun begitu, komuniti Cina yang tinggal di bandar terdedah kepada pembauran pelbagai ragam budaya dari etnik Cina yang lain.<sup>134</sup> Sekiranya unsur budaya itu tidak diolah dengan baik, pastinya keadaan ini akan memberi kesan yang buruk kepada masyarakat.<sup>135</sup> Menyentuh tentang hubungan agama pada tahap ini, masyarakat Cina tidak banyak mempersoalkan tentang kebenaran kepercayaan yang sedang mereka anuti. Begitu juga, tidak wujudnya dorongan badaniah atau rohaniah untuk mencari sesuatu yang baru dan segala rutin kehidupan berjalan secara normal. Justeru, menurut Nor A'thirah, pada peringkat sebelum mengenal agama orang lain, Saudara Baru lazimnya berada dalam situasi tenang dalam beragama.<sup>136</sup> Jelas sekali bahawa masyarakat Cina Terengganu melalui tempoh yang panjang untuk berakulturasi budaya dengan masyarakat Melayu Muslim. Kesan daripada proses ini menyebabkan lahir satu kelompok yang mengamalkan dua identiti. Identiti Cina nampak lebih dominan dalam kehidupan masyarakat Cina yang tinggal di bandar manakala kelompok Cina Peranakan lebih mendominasi budaya hidup masyarakat tempatan dalam

---

<sup>132</sup> Lee Yok Fee, "Identiti Harian Dalam Subjektiviti Cina Malaysia", 172.

<sup>133</sup> Mujibu Abd Muis, "Menangani Kerencaman Kaum dalam Proses Bina Bangsa", 249.

<sup>134</sup> Tan Chee Beng, *Chinese Minority in A Malay State. The Case of Terengganu in Malaysia*, 148.

<sup>135</sup> Shamsul Amri Baharuddin, *Hubungan Etnik*, 17.

<sup>136</sup> Nor A'thirah, *Memahami Psikologi Saudara Baru*, (Bangi : UKM, 2007), 87.

pelbagai aspek kehidupan. Namun begitu, kedua-dua kelompok ini mengalami proses akulturasi pada situasi yang berbeza.

### **3.11 Pengalaman Dialog Kehidupan Komuniti Pra Konversi Cina Terengganu**

Wong menyatakan hubungan yang baik yang berlangsung masyarakat Cina dengan masyarakat Melayu di negeri Terengganu mendedahkan aspek-aspek pengajaran dan amalan agama Islam. Informasi tentang agama Islam diperolehi secara spontan kerana bergaul dengan rakan-rakan Muslim, memerhati aktiviti masyarakat Muslim dan menghadiri majlis yang dianjurkan oleh mereka.<sup>137</sup> Bagi melihat sejauh mana pengalaman dialog kehidupan yang dilalui oleh komuniti Cina di negeri Terengganu, pemerhatian secara lebih terperinci dilakukan terhadap komuniti Cina pra konversi.

#### **3.11.1 Pengalaman Dialog Kehidupan Tinggal Sekampung**

Pengalaman dialog kehidupan di kampung berlaku secara tidak langsung apabila masyarakat Cina berkongsi kehidupan seharian dengan masyarakat Melayu yang beragama Islam. Hubungan yang berlaku dengan masyarakat Islam di kampung-kampung mendedahkan responden terhadap norma kehidupan beragama masyarakat Melayu Muslim daripada perkara yang kecil sehingga menyentuh kepada aspek-aspek agama yang bersifat dogmatik. Pengalaman ini diceritakan sebagaimana berikut:

“Bila duduk dengan orang Melayu, kita dok Islam lagi, jadi lain rasa tak selesa tapi tengok mereka tu..sedap aje . Kita rasa bersalah, atas sistem yang ada pada kita. Bila dia sembahyang, masa tu saya tanya orang Melayu, [kenapa kamu sujud atas lantai buat apa, lepas tu dia tanya saya pula, kamu sembah patung dok tokoh tu?, Biarlah aku sujud ke lantai amende tak dok, lepas tu saya duduk termenung ... betul jugak..kalau sembah amende dah ada buat apa[ .. baik dok soh caya

---

<sup>137</sup> Wong Choon Kheng, (Presiden Persatuan Buddha Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 23 Mac 2013.

(tidak perlu percaya). Selepas itu saya tanya, guana mu sembahyang ni, dia kata kita [sembahyang ni maknanya kita percaya kepada tuhanlah], kemudian dia tanya balik dah mu sembahyang tak, saya kata dok...”.<sup>138</sup>

Didapati bahawa pengaruh rakan sebaya yang berlainan agama mendorong sebahagian besar responden yang tinggal di kampung untuk terlibat secara langsung dalam dialog kehidupan. Di samping berfungsi sebagai teman sepermainan, rakan sebaya juga bertindak sebagai teman perkongsian masalah dan mencurahkan perasaan. Berkait dengan ini, Azizi Yahaya et al. menyatakan pengaruh rakan sebaya mampu mencorakkan sikap, tingkah laku remaja dan pembentukan sendiri remaja.<sup>139</sup>

Pengalaman-pengalaman pra konversi ini diceritakan sebagaimana berikut:

“Rajin jugok Nurul [main-main kat surau], pastu tengok .. [orang Melayu ambek air sembahyang], tengok dia orang sembahyang ramai-ramai. Kadang, kalau ada program kat surau, Nurul ikut kawan Melayu kat kapung, dok kat beranda.. [dengar orang ceramah agama]”.<sup>140</sup>

“Sebab kita rajin gi rumah diakan ... rumah saya .. rumah dia naik tangga turun tangga, [kalau dia baca Quran dengarlah dia ngaji]. Pastu dia khabar dia baca amende, [kalau dia sembahyang dia kabor ah kalau orang Islam ni jadi hati bersih], jadi kita gi mana2 kita dok takut, Allah tu ada”.<sup>141</sup>

“Setakat ni kalau kat kampung-kampung penah ahh. Macam kampung buat program, Din join [gotong-royong]...macam masak-masak dok lah ...kalau raya korban rajin gok lah. Dok janggal bab dah biasa dok, duduk di kampung Melayu , masa Cina, budak-budak ikut je..kalau [dulu pun kalau wak tahlil, kenduri, kawan-kawan ajok je] ... masa tu ikut je la”.<sup>142</sup>

“Saya pernah bertanya kawan-kawan dekat kampung saya [tentang mandi wajib, niat mandi wajib macam mana, niat puasa dan tentang orang berpuasa]”.<sup>143</sup>

---

<sup>138</sup> Resp # 20 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 15 Disember 2012.

<sup>139</sup> Azizi Yahaya et al., *Penyelewengan Tingkah Laku Remaja, Punca & Rawatan*. (Johor Bharu: UTM Press, 2012). 111.

<sup>140</sup> Resp # 01 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 9 Oktober 2012.

<sup>141</sup> Resp # 08 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

<sup>142</sup> Resp # 03 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 16 Oktober 2012.

<sup>143</sup> Resp # 12 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

Ini menjelaskan bahawa pengalaman dialog kehidupan responden memaparkan bagaimana unsur-unsur agama masyarakat Melayu difahami kerana faktor tinggal di perkampungan masyarakat Melayu Muslim. Kelazimannya upacara berzanji, sambutan hari kebesaran Islam, melaksanakan solat berjemaah dan program ihya' Ramadan dilaksanakan di kampung Melayu dalam bentuk gotong royong. Senario sedemikian memberi pendedahan yang langsung dan spontan kepada responden yang tinggal di perkampungan masyarakat Melayu Muslim tentang praktis agama Islam. Justeru, dalam kalangan responden menjelaskan seperti Resp # 07 (Hokkien) “tengok orang sembahyang jemaah”, Resp # 03 (Hokkien) “hari raya korban rajin jugalah ikut” dan Resp # 08 (Hokkien) “kalau dia baca Quran dengarlah dia ngaji” menunjukkan wujud pengalaman ikut serta masyarakat Cina pra konversi terhadap aktiviti-aktiviti yang mengandungi elemen agama semasa tinggal di kampung. Lebih jauh lagi, kenyataan Resp # 12 (Hokkien) “saya pernah bertanya” dan “saya tanya orang Melayu” menunjukkan keinginan untuk mendalami tentang tingkah laku atau aktiviti yang berlaku dalam agama masyarakat Islam. Sebaliknya kenyataan Resp # 03 (Hokkien) “dia kabor ah” (memberitahu) dan “kawan-kawan ajok je” menunjukkan dialog kehidupan mendapat respons yang baik antara rakan dialog yang berbeza agama. Walaupun merupakan kelompok yang minoriti, dalam kalangan komuniti Cina ini melibatkan diri dalam aktiviti dengan masyarakat Melayu Muslim di kampung tanpa rasa janggal. Dalam konteks ini Mohd Taib menjelaskan masyarakat Cina menurunkan ‘sempadan’ keCinaan tetapi tidaklah sampai pada tahap melakukan asimilasi.<sup>144</sup> Golongan minoriti menerima manfaat mempelajari kehidupan masyarakat dominan, keserupaan dengan

---

<sup>144</sup> Mohd Taib, “Integrasi Dan Asimilasi Budaya-Budaya Tradisional dalam Membina Bangsa Malaysia,” ed. Shamsul Amri et al., (Bangi: Jabatan Perpaduan Negara & UKM, 2003), 419.

masyarakat majoriti menyebabkan mereka diterima dengan senang.<sup>145</sup> John Carten menyatakan bahawa beliau banyak mempelajari nilai keagamaan masyarakat lain seperti kebaikan, kemurahan hati dan belas kasihan dari kelompok masyarakat Buddha melalui pengalaman tinggal bersama.<sup>146</sup> Dalam konteks hubungan antara agama di negeri Terengganu, persekitaran yang dilingkungi oleh masyarakat Melayu Muslim menyebabkan etnik Cina tidak dapat lari daripada mengenal agama masyarakat lain melalui amalan rutin yang tidak dirancang dan bukan didorong oleh pemaksaan.

### **3.11.2 Pengalaman Dialog Kehidupan Melalui Pendidikan Bersama**

Selain itu, proses mengenal agama Islam yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Cina pra konversi di negeri Terengganu dimanifestasikan melalui perkongsian pendidikan di Sekolah Kebangsaan Melayu. Lantaran itu, alam persekolahan merupakan satu instrumen bagi mereka mengenal agama masyarakat Islam dengan lebih akademik. Didapati responden mendalami maklumat yang diperoleh dengan ‘mengikuti’ rakan-rakan Muslim melakukan praktikal agama. Malah wujud kalangan pelajar bukan Muslim mengambil peperiksaan dalam mata pelajaran agama Islam dan pengajian jawi walaupun mata pelajaran tersebut tidak diwajibkan ke atas pelajar bukan Muslim. Pengalaman-pengalaman di atas dijelaskan sebagaimana berikut:

“Sewaktu saya sekolah, masa dari sekolah rendah lagi masa tu kalau kelas agama kita nak keluar pun tak apa kalau tak nak keluar pun tak apa.. kebanyakan saya tak keluarlah ...join juga duduk dalam kelas. Dalam kelas kita itu ada 3 orang sahaja orang Cina. [Kita dok wak (tidak membuat) bising, kita dengarlah apa ustaz kabor (bagi tahu), sekiranya kita tidak faham kita akan tanya kawanlah]”.<sup>147</sup>

“Joinlah, ada dalam kelas, tidak pergi di luar atau ke kelas pengajian moral... Sekolah Tengku Bariah, sekolah itu ramai [Melayu, saya

---

<sup>145</sup> Tan Yao Sua, “Akulturasi Peranakan Cina di Tirok”, 155.

<sup>146</sup> Carten, J., “Dialogue of life Encountering Buddhism And Shintoism In Japan”, (2002), 9.

<sup>147</sup> Resp # 12 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

joinlah baca Quran sekali, ustaz kata Ong baca ini, baca bismillah].. Kadang tanya ustaz, ustaz beritahulah..ustaz nak ambek air sembahyang nak naik atas surau, ambillah air sembahyang biar bersihlah, ambil air sembahyang tu kita bersih diri kita .. [jadi kita pun ikut aje lah] mak ayah kita tidak ajar macam itu, cuma dia ajak pergi kuil sahaja untuk sembahyang”.<sup>148</sup>

“Masa tu saya darjah satu hingga darjah 6, jadi masa dahulukan ustaz suruh baca al-Quran kan ramai-ramai, saya pun ikut, [bila ada ujian jawi ..dok lulus tapi ambek jugok]...ada juga dia soal-soal tapi dok luluslah sebab kita tidak belajar di rumah ..ingat-ingat gitu je. Kalau agama ambil juga peperiksaan cuma lulus dok comellah dok macam budak Melayu. [Join jugak praktikal dia orang macam air sembahyang gitu ahh]”.<sup>149</sup>

“Saya tak keluar kelas sebab minat.. sebab [dulu orang Cina boleh belajar jawi].. ada kelas jawi .. jadi orang Cina pun belajar kelas jawi”.<sup>150</sup>

“...sekolah saya campur dengan orang Melayu daripada darjah satu sampai darjah enam. Saya [mendengar cikgu-cikgu mengajar agama] dan sebagainya tentang [syariat, akidah dan akhlak]\_ .... saya tak keluar, saya dengar cikgu-cikgu bagi kuliah agama... lepas tu dari form 1 hingga form 2, I ambil pengetahuan agama Islam, masa SRP.. masa SPM pun sama juga. Lepas tu masa STPM, [I ambil subjek sejarah Islam.. banyak baca tentang kisah-kisah Islam].. *at the same time* I banyak baca kisah tentang Buddha ...saya juga banyak membaca tentang Kristian, saya tengok kitab Injil, saya tengok al-Quran yang diterjemahkan... saya baca kitab-kitab Buddha ... daripada itu saya buat perbandingan-perbandingan”.<sup>151</sup>

Oleh kerana Sekolah Jenis Kebangsaan Cina juga terdiri daripada pelajar yang beragama Islam, pihak kementerian pendidikan menyediakan guru agama bagi memberi pendedahan pendidikan agama yang khusus kepada pelajar Muslim. Justeru, maklumat tentang Islam diperoleh secara tanpa sengaja melalui perkenalan akrab rakan yang berlainan agama. Mengambil contoh responden yang bersekolah di Sekolah Menengah Chung Hwa Wei Sin, Kuala Terengganu, beliau menjelaskan sebagaimana berikut:

“Sewaktu di sekolah rajin juga saya dengar-dengar (curi dengar) ustaz bagi kelas agama bagi orang Islam. Biasanya orang Islam balik lewat

---

<sup>148</sup> Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

<sup>149</sup> Resp # 13 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

<sup>150</sup> Resp # 12 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

<sup>151</sup> Resp # 06 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis 14 November 2012.

sedikit.. sebab mereka ada kelas agama pada waktu tengah hari.. Nurul baik dengan kawan-kawan Melayu.. pergi sekolah sama-sama, balik sekolah pun sama-sama. Apabila tunggu dia, [Nurul duduk di luar kelas.. dengarlah ustaz mengajar fardu ain ...Lepas itu Nurul masuk dalam kelas, join sekali ..sampai boleh ingat fatimah bila ustaz suruh hafal]”<sup>152</sup>

Selain mengenal agama Islam melalui pendidikan yang bersifat formal, dalam kalangan responden mengikuti amalan Islam seperti berpuasa dengan mengikuti apa yang dilakukan oleh rakan-rakan yang beragama Islam. Dalam konteks ini, wujud sikap empati diri dalam kalangan rakan bukan Muslim terhadap kepayahan yang dilalui oleh rakan-rakan Muslim ketika melaksanakan kewajipan berpuasa di bulan Ramadan. Ini diperihalkan sebagaimana berikut:

“Ada kawan saya cadangkan, kamu nak berpuasa tak, Ong cubalah berpuasa,, cuba separuh hari sahaja, [puasalah saya selepas itu, sewaktu berpuasa saya merasa lapar dan saya kabar (menyuarakan) untuk berbuka, kemudian kawan saya berkata Ong cuba kamu baca ayat ini (ayat al-Quran) .....saya sempat berpuasa dalam beberapa hari] dalam bulan Ramadan”<sup>153</sup>

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Cina yang bukan Muslim melibatkan diri dalam dialog secara langsung bagi menghilangkan kesamaran dalam pemikiran. Lantaran itu berlaku ‘soal jawab’ tentang hal ehwal agama masyarakat Muslim. Wacana yang tercetus adalah lahir dari pemerhatian responden terhadap tingkah laku masyarakat Muslim dalam beragama. Dialog yang berlaku antara responden dengan ‘orang yang pakar dalam agama Islam’ bertujuan meleraikan kekusutan di dalam fikiran. Ini diceritakan sebagaimana berikut:

“Kalau kat sekolah saya pernah dengar kelas ustaz macam bab sembahyang, saya tanya [kenapa kena sembahyang], ustaz tu kata kalau

---

<sup>152</sup> Resp # 01 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 9 Oktober 2012.

<sup>153</sup> Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

nak sembahyang kena mengucap dulu, bila kita mengucap kita kena diri sembahyang moleklah”.<sup>154</sup>

“saya pergi sekolah saya tanya ustaz , ustaz pun kata, dok apa awak mari ustaz ajar baca Quran ...[saya bacalah Quran], kalau ada orang pergi sembahyang awak pergilah tengok orang sembahyang, masa tu saya masih Buddha lagi, semua itu saya pergi tengok, ustaz kata kalau ada orang terselak kain semasa sembahyang awak tolonglah tarik tapi hendak naik atas surau itu awak kena ambil air sembahyang Lepas itu ustaz ajarlah, ustaz ajar.. dia ajar [saya baca Quran dalam kelas] lepas itu .. jadi pandailah masa tu ..[boleh mengajilah masa itu]... Bila kata bila saya naik tingkatan 6, kalau cikgu sedang membaca *Qul aÑūzu rabbinnās*, [kita boleh faham ayat ni ayat pendek sahaja]”.<sup>155</sup>

Ini bermakna dialog kehidupan yang ditonjolkan melalui ‘*historical acculturation*’ di kampung-kampung selanjutnya disusuli dengan perkongsian pembelajaran aspek-aspek agama Islam di sekolah kebangsaan Melayu. Sebagaimana temu bual yang dilakukan ke atas komuniti Cina pra konversi, kata-kata Resp # 06 (Kantonis) “kita dengarlah apa ustaz bagi tahu”, Resp # 07 (Hokkien) “dengarlah ustaz mengajar fardu ain”, Resp # 12 (Hokkien) “saya mendengar cikgu-cikgu mengajar agama” dan “semua itu saya pergi tengok” merupakan bentuk-bentuk awal dialog kehidupan responden dalam mengenal agama rakan Muslim.

Pada peringkat seterusnya, dialog kehidupan yang berlaku di sekolah memaparkan penglibatan secara konstruktif dalam aktiviti agama pelajar Muslim. Mengambil kata-kata Resp # 13 (Hakka) “bila ada ujian jawi ..dok lulus tapi ambek jugok”, Resp # 12 (Hokkien) “Saya tak keluar kelas sebab minat, ...masuk dalam kelas” dan Resp # 01 (Hokkien) “saya join sekali..sampai boleh ingat *fatihah* bila ustaz suruh hafal” menunjukkan betapa pendidikan di sekolah yang sama mendekati lagi responden terhadap asas-asas pendidikan Islam. Lebih jauh lagi, wujud kalangan responden terlibat

<sup>154</sup> Resp # 20 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 15 Disember 2012.

<sup>155</sup> Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.



secara langsung dalam praktikal fardu ain seperti mengambil air sembahyang dan membaca al-Quran. Responden cuba meneroka fenomena keagamaan yang berlaku menimbulkan persoalan terhadap amalan yang dilakukan oleh masyarakat Muslim. Misalnya Resp # 20 (Hokkien) mencari hakikat beragama dengan bertanya “kenapa kena sembahyang”, Resp # 12(Hokkien) “sekiranya kita tidak faham kita akan tanya kawanlah” dan Resp # 07 (Hokkien) “saya pergi sekolah saya tanya ustaz”. Pada tahap ini masyarakat Cina pra konversi berfikir secara kritikal bagi mencari jawapan persoalan yang membelenggu minda mereka. Menurut Munir et al., pemikiran kritikal cenderung kepada mencari dan mengenal pasti kelemahan, kesilapan dan kecacatan terhadap sesuatu idea. Matlamatnya adalah untuk mencari, menganalisis dan mencari alasan yang bertepatan.<sup>156</sup> Justeru, kaedah pengajian agama yang bersifat teori dan amali membuka ruang yang luas kepada masyarakat Cina pra konversi untuk mencari kefahaman dan kebenaran tentang nilai agama rakan sekelas secara lebih komprehensif.

Bertitik tolak daripada pemerhatian, penglibatan turut serta dan seterusnya bertanya untuk mengetahui lebih intensif (*curiosity*), dialog kehidupan membuka ruang yang luas kepada responden mengenali agama dan tingkah laku rakan Muslim secara lebih dekat. Sehubungan dengan itu, Abdul Aziz Deraman berpandangan pembelajaran mempunyai peranan mengisi pembentukan citra dan imej kebudayaan yang seterusnya mampu mengetengahkan identiti yang boleh dikongsi.<sup>157</sup> Ting Chew Peh mengemukakan teori hipotesis kontak (*contact hypothesis*) dengan menyatakan bahawa kedekatan fizikal (dalam bangunan yang sama) membolehkan para pelajar bergaul bebas

---

<sup>156</sup> Munir Shuib et. al, *Menyelesaikan Masalah Secara Sistemik Dan Efektif*, (Petaling Jaya: Prentice Hall, 2008), 96.

<sup>157</sup> A. Aziz Deraman, “Sosiobudaya 2020,” dalam *Membina Bangsa Malaysia*, ed. Shamsul Amri et al., (Bangi: Jabatan Perpaduan Negara & UKM, 2003), 256.

yang seterusnya merangsang ke arah persefahaman dan toleransi.<sup>158</sup> Mengukuhkan lagi kenyataan, Rohaty merumuskan bahawa kedekatan fizikal merapatkan perdampingan yang memberi peluang kepada mereka mempelajari individu lain.<sup>159</sup> Oleh itu, ‘faktor kedekatan’ merupakan satu faktor yang kuat untuk memahami nilai yang ada pada sesebuah kaum dan seterusnya mendorong kepada pemupukan toleransi. Al-Qwadi menyatakan bahawa interaksi sosial antara Muslim dan bukan Muslim mendedahkan secara langsung tentang Islam melalui perilaku para pemeluknya.<sup>160</sup> Justeru, berdasarkan pandangan Aziz Deraman, Ting Chew Peh, Rohaty dan Al-Qwadi, dapat dijelaskan bahawa responden mengkonstruksi pemahaman agama dan budaya masyarakat melalui jalinan perkongsian dialog kehidupan di sekolah. Observasi dalam kalangan masyarakat Cina terhadap tingkah laku pelajar Muslim dalam menguruskan perihal agama mereka menimbulkan perasaan ingin tahu lebih mendalam tentang fenomena agama Islam. Berbeza dialog kehidupan yang berlaku di kampung, responden tidak berhadapan kekangan dari pihak keluarga apabila melibatkan diri dengan rela hati dalam pembelajaran agama Islam di sekolah.

### **3.11.3 Pengalaman Dialog Kehidupan Melalui Perkongsian Aktiviti Sosial**

Hasil kajian selanjutnya juga mendapati pengalaman dialog kehidupan dilalui melalui proses sosialisasi seperti bermalam di rumah rakan Melayu Muslim, perkongsian perayaan, sambutan hari kebesaran Islam dan memerhati media yang menyentuh pengajaran agama Islam. Didapati penglibatan komuniti Cina pra konversi dalam dialog kehidupan dengan rakan Muslim berlaku secara tersembunyi bagi mengelakkan

---

<sup>158</sup> Ting Chew Peh Deraman, “Integrasi Nasional Melalui Pendidikan,” dalam *Membina Bangsa Malaysia*, ed. Shamsul Amri et al., (Bangi: Jabatan Perpaduan Negara & UKM, 2003), 409.

<sup>159</sup> Rohaty Mohd Majzub, “Polarisasi Dalam Situasi Pembelajaran,” dalam *Membina Bangsa Malaysia*, ed. Shamsul Amri et al., (Bangi : Jabatan Perpaduan Negara & UKM, 2003), 507.

<sup>160</sup> Al-Qwadi, “Understanding The Stages Of Conversion To Islam The Voices Of British Converts”, 109.

diketahui oleh keluarga. Responden Resp # 01 (Hokkien) menceritakan sebagaimana berikut:

“ Nurul pernah juga, tidur rumah kawan pada bulan puasa di rumah kawan berbangsa Melayu, [bila mak diakejut sahur, Nurul join sekali.. lepas itu Nurul puasa jugalah]. Bila balik rumah, mak suruh makan... Nurul kata kenyang doh.. pastu tu bila lepas maghrib Nurul gi dapur... buka puasa”<sup>161</sup>.

Samwini menyatakan bahawa melalui dialog kehidupan masyarakat yang berbeza agama memaparkan perkongsian perasaan sedih dan gembira kerana sesuatu peristiwa.<sup>162</sup> Justeru, didapati dalam kalangan responden cuba menghayati kesukaran rakan-rakan Muslim dengan turut serta berpuasa pada waktu malam bulan Ramadan. Pengalaman Resp # 13 (Hakka) ini menyatakan “bila puasa..orang Melayu puasa, saya puasa malam je.. saya siang hari saya dok tahan lapar..saya kata lebih baik [saya puasa malam sebab malam saya tidur je]..maknya sempena Ramadan ahh”<sup>163</sup>.

Boleh dikatakan bahawa tinggal di dalam lingkungan masyarakat Melayu Muslim membuka ruang luas kepada komuniti Cina elemen-elemen agama Islam dalam bersosialisasi. Kata-kata Resp # 08 (Hokkien) “kita gi ah tolong-tolong orang” dan Resp # 12 (Hokkien) “kacau bubur Asyura, kita pergi tadahlah” memperlihatkan bagaimana pendedahan secara spontan elemen agama Islam berlaku dalam aktiviti gotong-royong. Namun begitu, kadang kala aktiviti ini dilakukan dengan penuh berhati-hati bagi mengelakkan ianya diketahui oleh pihak keluarga. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

---

<sup>161</sup> Resp # 01 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 9 Oktober 2012.

<sup>162</sup> Samwini, N.I., “The Need for and Importance of Dialogue of Life in Community Building: The Case of Selected West African Nations. A forum for academic, social, and timely issues affecting religious communities around the world” dicapai 10 November 2011, [www.irdialogue.org/submissions](http://www.irdialogue.org/submissions).

<sup>163</sup> Resp # 13 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

“Kita gi ah tolong-tolong orang, sebab rumah saya tu dekat dengan surau Abid... [kalau raya kita gi ah] jalan tapi syaratnya jangan ayah saya tau .. kalau balik ia marah. Nok boleh gi tu saya corner gi kot jauh sebab [kita nak dengar orang cakap hal-hal agama]”.<sup>164</sup>

“Kalau musim Asyura tu memang sukalah, join jugalah, [kacau bubur Asyura, kita pergi tadahlah ambil makanan bubur Asyura]... kadang-kadang pergi tengok sahaja”.<sup>165</sup>

Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa pembelajaran tentang agama Islam diperolehi melalui instrumen media. Dalam kata lain, media menyuburkan dan mencetuskan ruang pertanyaan terhadap ‘apa yang sebenarnya berlaku’ dalam kehidupan beragama masyarakat Muslim. Dari sudut yang lain, kadang kala media dilihat memperkukuhkan lagi jawapan terhadap persoalan-persoalan yang tercetus ketika responden melibatkan diri dalam dialog kehidupan dengan komuniti Muslim. Informasi tentang agama Islam melalui wahana media diceritakan sebagaimana berikut:

“[Kalau apa-apa yang bersifat pembelajaran (agama Islam) saya dengarlah TV] tapi kalau apa-apa yang tak bagus, apa yang kita tak faham tak dengar jugak... kalau tak faham saya cari jawapan melalui buku”.<sup>166</sup>

“Pengalaman kalau tengok TV program Islam biasanya [tengok bahagian mengaji muqaddam yang Datuk Hasan ajar]. Kalau belajar kat sekolah jika cikgu bahasa Mandarin dok mari saya keluar kelas, saya dengar ustaz mengajar”.<sup>167</sup>

Melihat kepada transkrip di atas, Azizi Yahaya et al. menyatakan bahawa media merupakan wahana yang mampu membawa peningkatan pemikiran dan perasaan kepada pembaca, pendengar dan penonton.<sup>168</sup> Ertinya media massa menjadi salah satu

---

<sup>164</sup> Resp # 08 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

<sup>165</sup> Resp # 12 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis 22 November 2012.

<sup>166</sup> Resp # 06 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis 14. November 2012.

<sup>167</sup> Resp # 17 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

<sup>168</sup> Azizi Yahaya et al., *Penyelewengan Tingkah Laku Remaja*, 114.

penyumbang dalam kalangan masyarakat Cina mengenal aspek-aspek keagamaan masyarakat Muslim secara lebih mendalam.

Keakraban masyarakat Cina pra konversi bergaul dengan masyarakat Melayu mendedahkan kepada mereka amalan agama masyarakat Melayu. Ini dipaparkan melalui kata-kata Resp # 08 (Hokkien) “Kita pergilah tolong-tolong orang” (gotong-royong), Resp # 08 (Hokkien) “kalau raya kita pergilah” (menghadiri perayaan) dan Resp # 12 (Hokkien) “kacau bubur Asyura” (hari kebesaran Islam). Dalam hal ini Mohd Taib Osman menyatakan lebih banyak interaksi antara pendukung (*bearers*) budaya, lebih banyak unsur-unsur yang diintegrasikan dalam kehidupan.<sup>169</sup> Sememangnya aspek-aspek agama banyak mendasari nilai budaya kehidupan masyarakat Melayu Muslim. Justeru, mengenal budaya masyarakat Melayu Muslim bermakna mengenal aspek-aspek agama yang terkandung dalam kehidupan masyarakat Melayu Muslim. Bertitik tolak daripada mengenal budaya komuniti Melayu Muslim di kampung, dialog kehidupan mendedahkan secara langsung aspek-aspek khusus dalam keagamaan masyarakat Muslim seperti amalan puasa, mengaji dan solat. Dapatan kajian Resp # 07 (Hokkien) yang menyatakan “saya mencuba untuk berpuasa” dan Resp # 17 (Hokkien) “saya mendengar orang mengaji al-Quran” menggambarkan bagaimana elemen-elemen dialog kehidupan dalam bentuk amalan agama yang khusus menarik minat masyarakat Cina untuk memahaminya dengan lebih mendalam. Selain ini, wujud sesi dialog seolah-olah nampak tegang apabila responden berbalas hujah bagi memahami doktrin kepercayaan rakan yang berbeza agama. Misalnya Resp # 10 (Hokkien) menceritakan sebagaimana berikut:

---

<sup>169</sup> Mohd Taib Osman, “Integrasi dan Asimilasi Membina Bangsa Malaysia”, 423.

“Maklumat Islam biasa dengar, dia orang cakap tentang Islam contohnya berkaitan tentang ketuhanan, masa tu saya tidak percayalah. Saya memang suka bertanya dan suka bertengking, walaupun betul, saya tak mengaku saya ni salah. Contohnya dia kata kita kena percaya pada Tuhan, Tuhan ni ada, kalau betul Tuhan ni ada di mana? [Kamu kenapa sembah tokong kayu? aku sembah tokong kayu pasal ada bukti ..satu patung..ya mu sembah dinding (solat) tu pasal apa?..Di mana Tuhanmu?]”<sup>170</sup>

Keupayaan responden berkomunikasi bahasa Melayu loghat Terengganu dengan baik menunjukkan penghayatan budaya berlaku hingga peringkat akar umbi. Diskusi atau ‘dialog’ tentang persoalan agama yang mendalam dengan masyarakat Melayu Muslim boleh dilihat dari transkrip Resp # 10 (Hokkien) yang menyatakan “bertengking dengan kawan”. Dalam perihal ini, Tan Yao Sua menyatakan akulturasi masyarakat minoriti budaya golongan majoriti tidak mungkin berlaku melainkan faktor interaksi yang kerap.<sup>171</sup> Justeru, Hamidah menjelaskan hubungan sosial merujuk kepada interaksi antara manusia. Beliau mengemukakan beberapa contoh hubungan sosial yang berlaku ialah keluar makan, membeli belah, bersiar, pergaulan rapat, melakukan aktiviti, berpersatuan, kunjungan musim perayaan dan memberi bantuan.<sup>172</sup> Dalam kata lain pergaulan yang rapat responden dengan masyarakat Melayu Muslim dalam kehidupan sosial harian mendedahkan kepada pengenalan, pemahaman dan penelitian terhadap agama Islam secara tidak langsung dan tidak dirancang.

### **3.12 Bentuk Dialog Kehidupan Masyarakat Cina Terengganu Pra Konversi**

Dalam konteks hubungan antara agama masyarakat Cina dan Melayu Muslim di negeri Terengganu, dialog perkongsian budaya merupakan hubungan yang paling awal

---

<sup>170</sup> Resp # 10 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012

<sup>171</sup> Tan Yao Sua, “Akulturasi Peranakan Cina di Tirok”, 157.

<sup>172</sup> Hamidah Abd Rahman et al., “Kajian Tinjauan Hubungan Etnik Dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu Di Kampus Johor Bharu, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)”. *Jurnal Teknologi*, 54 (Sains Sosial), (Jan 2011), 72-1.

berlaku secara spontan dengan masyarakat tempatan. Rahimin Affandi, Shaharom dan Azizan Baharuddin menjelaskan bahawa dialog kehidupan merupakan ‘pertembungan’ masyarakat yang berbeza budaya. Biar pun begitu, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Suraya Sintang menyatakan bahawa dialog kehidupan yang dikenali ‘dialog kultural’ ini memaparkan perkongsian nilai secara bersama. Interaksi ini berlaku disebabkan wujudnya hubungan kekeluargaan, persahabatan dan perkongsian aktiviti.<sup>173</sup> Nilai terbentuk dalam diri manusia melalui proses sosialisasi yang kuat terpengaruh oleh lingkungan budaya. Manakala lingkungan budaya dilahirkan oleh anggota-anggota kumpulan etnik.<sup>174</sup> Nilai merupakan satu aspek normatif yang memberi panduan kepada tingkah laku manusia, susunan masyarakat, pentadbiran dan hubungan manusia. Nilai bersama dalam agama ialah seperti penghormatan, kasih sayang, perikemanusiaan, keikhlasan, kerjasama, amanah, kebahagiaan dan keadilan.<sup>175</sup> Keupayaan masyarakat Cina di negeri Terengganu bertutur baik setanding dengan penutur asli membuka ruang kepada mereka meneroka nilai kehidupan masyarakat Melayu setempat. Mengambil contoh pengalaman informannya yang menyatakan sebagaimana berikut:

“pada zaman muda kami bergaul bebas dengan penduduk Melayu tempatan baik di sekolah atau di luar bandar. Memang tidak ada berlakunya perasaan prasangka atau permusuhan yang menjejaskan hubungan baik antara penduduk Cina dengan penduduk Melayu tempatan. Malahan hubungan kami begitu rapat sehingga kami rela kongsi makanan”.<sup>176</sup>

Bertitik tolak daripada perkongsian norma-norma budaya tempatan, hubungan masyarakat Cina dan Melayu di negeri Terengganu berkembang kepada peringkat

---

<sup>173</sup> Khadijah Mohd Khambali & Suraya Sintang, “Peranan Sekolah Agama Dalam Jalinan Dialog Kehidupan Ummah di Malaysia,” dalam *Kemelut Peradaban Remaja di Malaysia*, ed. Mustafa Abdullah dan Faisal Ahmad Shah, (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010), 201.

<sup>174</sup> Mansor et al., *Hubungan Etnik di Malaysia*, (Petaling Jaya: Prentice Hall, 2006), 6.

<sup>175</sup> Cheu HockTong, (2003), “Peranan Nilai-Nilai Agama Dalam Integrasi: Asas Dan Strategi,” dalam *Membina Bangsa Malaysia*, ed. Shamsul Amri et al., (Bangi: Jabatan Perpaduan Negara & UKM, 2003), 140.

<sup>176</sup> Tan Yao Sua, “Akulturasi Peranakan Cina di Tirok, Terengganu”, 158.

seterusnya iaitu mengenal nilai agama tanpa dirancang. Biarpun begitu, berdasarkan kepada hasil kajian, bentuk hubungan antara agama komuniti Cina bukan Muslim dan Melayu Muslim ini bolehlah dibahagikan kepada tiga jenis. Ia dijelaskan sebagaimana berikut:

### **3.12.1 Menjauhi Aktiviti Keagamaan Masyarakat Lain**

Dalam kalangan masyarakat Cina pra konversi, wujud kelompok cuba mengelak diri dari melibatkan sebarang aktiviti yang mengandungi unsur-unsur keagamaan masyarakat Melayu Muslim. Tujuannya adalah untuk mengelakkan sebarang tafsiran buruk atau salah faham dalam kalangan keluarga atau masyarakat asal terhadap pelaku. Bagi mengambil jalan yang selamat responden hanya memilih aktiviti-aktiviti yang dirasakan perlu diikuti. Sebagai contoh Resp # 06 (Kantonis) menyatakan “Tidak banyak saya melibatkan diri dalam aktiviti Islam memandangkan saya bukan Islam lagi, [pandangan masyarakat itu nampak kita tu lain,] cuma aktiviti-aktiviti biasa tu adalah”.<sup>177</sup>

### **3.12.2 Mengenal Agama Secara Berhati-Hati**

Selain daripada itu, dalam kalangan responden yang cenderung untuk memahami agama Islam sama ada melalui media atau pergaulan dengan rakan Melayu dengan melihat situasi di sekeliling. Pendek kata, proses ini dilakukan secara berhati-hati bagi mengelakkan sebarang prasangka buruk oleh pihak keluarga. Kelazimannya tentangan atau bantahan yang keras datangnya dari orang yang paling berpengaruh dalam keluarga. Temu bual ini menjelaskan sebagaimana berikut:

---

<sup>177</sup> Resp # 06 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 14. November 2012.



“mak cik biasa tengok cerita Islam, saya memang suka cerita Melayu, ada hal orang bang (azan), hal al-Quran, [tapi kalau ayah saya ada jangan buka]”.<sup>178</sup>

“Saya baca surat khabar, Utusan Malaysia, saya tengok kolum bab agama sehingga abang saya baca sokmo dia marah saya ..tiap2 hari saya beli dan saya baca .. [dia kata kamu jangan beli lagi surat khabar ni, kamu kena beli surat khabar bahasa Inggeris]”.<sup>179</sup>

“Masa tu tengok jiran-jiran, jiran tetangga tu orang Melayu dok tepi umah kita lepas tu [mok kita dok bagi gaul]”.<sup>180</sup>

Dalam konteks yang lain responden membayangkan kemungkinan-kemungkinan yang berlaku sekiranya misi mengenal agama lain akan diteruskan. Antaranya membayangkan kemungkinan dimarahi, dipukul atau dihalau oleh keluarga. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“kalau tidur di rumah kawan Melayu, [berhambatlah (berkejaran) saya dengan ayah saya].. ayah saya satu kelip mata saya tidak ada di rumah, mak saya lah jadi mangsa.. dengan adik beradik lain tidak tapi dengan saya sahaja”.<sup>181</sup>

“saya suka tengok azan, kan azan ada sari kata kadang-kadang baca se se (satu-persatu), kalau abang saya tak dok memang saya buka kalau dia ada saya tutup, [dia akan marah-marah kat saya]”.<sup>182</sup>

Kadang kala ahli keluarga merasa curiga terhadap perubahan terhadap responden. Dalam kes Resp# 07 (Hokkien), perubahan dari memakai skirt kepada baju kurung menimbulkan persepsi kurang senang dalam kalangan ahli keluarga. Justeru, ahli keluarga mengambil tindakan yang drastik dengan membawa responden berubat secara tradisional (berjumpa bomoh Siam) bagi mengelakkan responden terpengaruh dengan ajaran Islam. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

---

<sup>178</sup> Resp # 08 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

<sup>179</sup> Resp # 13 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

<sup>180</sup> Resp # 09 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

<sup>181</sup> Resp # 08 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

<sup>182</sup> Resp # 13 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012

“Bila peristiwa tu berlaku di rumah nenek saya, saya pun ada perubahan dari segi pakaian apa semua tu..saya pakai baju kurung.. saya dok pakai doh skirt-skirt.. saya wak banyak baju kurung saya banyak suruh orang buat baju kurung. [Lepas tuu datuk nenek saya tengok saya ada perubahan dia bawak gi tok bomoh]”.<sup>183</sup>

Mengambil kira budaya masyarakat Melayu Muslim yang bercampur aduk dengan nilai agama Islam, didapati dalam kalangan komuniti Cina bukan Muslim begitu peka terhadap perubahan ahli keluarga yang membawa masuk sebarang bentuk budaya hidup masyarakat Melayu Muslim. Dengan yang demikian, fenomena yang berlaku seperti di atas menggambarkan bahawa tidak semua proses mengenal budaya masyarakat Melayu Muslim disenangi dan dapat diterima dengan baik oleh ahli keluarga. Selain itu, responden juga kadang kala berhadapan stereotaip negatif komuniti Melayu Muslim terhadap masyarakat Cina yang bukan Muslim yang ingin mengenal budaya hidup masyarakat Muslim. Dengan demikian itu, polemik ini bukan sahaja datang dari keluarga sendiri sebaliknya masyarakat Melayu juga tidak memberi respons yang baik dan lebih bersikap prejudis terhadap masyarakat Cina yang cuba memahami budaya dan agama Islam. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Saya pernah pergi rumah kawan, saya pergi masa sekolah tingkatan tiga, pergi nak jumpa dia, lepas tuu dia ada dalam ..saya masuk dalam rumah dia, mari nenek dia, dia marah saya ..[mu ni kotor masuk ke tempat saya sembahyang, kamu ni najis saya pun balik terus nangis-nangis sepanjang jalan balik rumah] rasa hinanya kita. Kemudian saya duduk dalam kelas adalah yang pakai tudung labuh kata, [eh Ong aku tak boleh sentuh mu, mu tak boleh dekat dengan aku, kalau aku sentuh mu aku kena basuh dengan air lumpur]. Dia terlalu anti dengan Cina”.<sup>184</sup>

---

<sup>183</sup> Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

<sup>184</sup> Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

Hensman menyatakan dialog kehidupan melalui penglibatan aktiviti bersama mampu memberi kefahaman terhadap agama orang lain.<sup>185</sup> Namun begitu, dalam kalangan masyarakat Cina di negeri Terengganu berhadapan kekangan dan halangan dalam mengenal dan memahami agama masyarakat Melayu Muslim khususnya. Memburukkan lagi keadaan, wujud dalam kalangan ahli keluarga cuba menggunakan kekerasan terhadap ahli keluarga yang terlibat secara langsung dalam aktiviti agama masyarakat Islam. Meskipun masyarakat Cina khususnya yang tinggal di perkampungan masyarakat Melayu Muslim berkongsi budaya dengan agak baik, namun agama merupakan halangan untuk mereka berasimilasi sepenuhnya. Menepati dengan kajian yang dilakukan oleh J.Furnivall tentang masyarakat majmuk di Burma, dapat dijelaskan bahawa wujud ciri-ciri etnik “bergaul tetapi tidak bercantum” (*do mix but do not combine*) dalam kehidupan sosial masyarakat majmuk di negeri Terengganu.<sup>186</sup> Lantaran itu, Mohd Taib menjelaskan bahawa tembok yang kukuh penduduk Melayu dengan masyarakat Cina ialah agama. Wujud *selectivity* atau pilihan dalam menggunakan budaya orang lain kerana setiap masyarakat hidup dalam sempadan budaya masing-masing.<sup>187</sup> Dengan itu, perbezaan agama merupakan faktor penghalang utama masyarakat Cina menerima dan menyerap cara hidup masyarakat Melayu Muslim sepenuhnya. Demi menjaga leluhur agama yang diwarisi sejak turun temurun, masyarakat Cina begitu peka terhadap perkembangan agama Islam di negeri Terengganu. Justeru, ahli keluarga diingatkan agar berhati-hati dalam mendekati aktiviti masyarakat Melayu yang khususnya mengandungi elemen agama Islam.

---

<sup>185</sup> Hensman, J. M., “The Dialogue of Life as the Locus of Non-verbal Interreligious Dialogue”, *East Asian Pastoral Review*, Volume 36, No. 3, (1999), dicapai 12 Okt 2012, <http://eapi.admu.edu.ph/content/dialogue-life-locus-non-verbal-interreligious-dialogue>.

<sup>186</sup> Furnivall melihat wujud garis pemisah yang menghalang penyatuan masyarakat majmuk antaranya faktor kelainan etnik, agama, budaya, sosial, pekerjaan atau tempat tinggal. Lihat dalam Mujibu Abd Muis, “Menangani Kerencaman Kaum dalam Proses Bina Bangsa: Cabaran dan Pengalaman Malaysia”. 246.

<sup>187</sup> Mohd Taib Osman, “Integrasi dan Asimilasi Membina Bangsa Malaysia”, 420.

### 3.12.3 Hubungan Tidak Ambil Peduli

Wacana naratif ‘tanpa peduli’ memaparkan proses memahami agama Islam tanpa halangan yang kuat dari pihak keluarga. Ketidakpedulian keluarga terhadap pergaulan remaja Cina dengan rakan-rakan Muslim mendedahkan mereka kepada pelbagai ragam amalan yang dilakukan oleh masyarakat Muslim. Justeru faktor ini amat berhubung rapat dengan sikap keluarga yang kurang mengambil berat atau terlepas pandang memantau aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh anak. Sehubungan dengan itu, Azizi dan Mohd Sofie menyatakan bahawa gaya asuhan permisif merujuk kepada ibu bapa yang mesra, bertanggungjawab tetapi lemah dalam mengawal anak-anak.<sup>188</sup> Sikap ketidakpedulian keluarga terhadap aktiviti anak-anak ini disebabkan latar belakang keluarga yang sibuk dan kelaziman anak-anak bergaul dengan masyarakat Melayu Muslim sejak kecil. Biarpun begitu, reaksi hubungan yang tidak peduli ini merupakan bentuk hubungan yang paling sedikit yang ditemui dalam pengalaman pra konversi komuniti Cina. Pengalaman ini dijelaskan oleh Resp # 12 (Hokkien) dengan berkata “[mak pun tak berapa kisah] mana sebab mak pun kadang dia kerja rumah orang kadang-kadang balik tengah hari .. kita pulak masa sekolah dulu dok wape (tidak berapa) makan pagi”.<sup>189</sup>

Berdasarkan kepada huraian keseluruhan di atas, dapat dinyatakan bahawa penglibatan komuniti Cina di negeri Terengganu dalam dialog kehidupan direalisasikan kerana faktor pertemuan yang tidak dapat dielakkan. Dalam kata lain, faktor tinggal dalam lingkungan perkampungan Melayu Muslim, belajar di sekolah Melayu dan proses sosialisasi yang berlaku dalam kehidupan harian mendedahkan secara langsung

---

<sup>188</sup> Azizi Yahaya & Mohd Sofie Bahari, *Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Terhadap Tingkah Laku*, 4.

<sup>189</sup> Resp # 12 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012

aspek-aspek kehidupan masyarakat Muslim. William Schrutz menjelaskan bahawa pertemuan (*encounter*) merupakan satu kaedah perhubungan yang disandarkan kepada keterbukaan, jujur, memberi perhatian kepada perasaan dan penekanan terhadap masalah. Lazimnya manusia daripada pelbagai bangsa dan kepercayaan merasa terasing dan terpisah kerana perbezaan agama, bahasa dan budaya. Justeru, melalui terapi *encounter*, jurang perpisahan tersebut disempitkan dengan motif mencari kemesraan serta mewujudkan hubungan yang jelas, jujur dan menyeluruh.<sup>190</sup> Berasaskan kepada landskap kehidupan komuniti Cina pra konversi dalam lingkungan komuniti Melayu Muslim, bentuk hubungan yang dilalui berhubung kait dengan dialog sebagai satu bentuk *encounter* yang tidak disengajakan. Penglibatan dalam aktiviti bersama-sama dalam masyarakat yang berbeza agama dalam bentuk tinggal dalam satu kampung, bersekolah yang sama dan pergaulan harian merupakan satu bentuk hubungan sosial yang cukup luas. Termasuk di sini proses sosialisasi agama (*religious socialization*) yang merupakan proses panjang bagi memahami aspek-aspek keagamaan orang lain yang berlaku secara tidak sengaja. Boleh dikatakan bahawa proses belajar melalui hubungan sosial ini bermula ketika seseorang itu masih anak-anak dan berlaku secara alami sehingga individu tidak menyedari keyakinan dan kepercayaan terbentuk dalam dirinya. Tuntasnya, penglibatan awal masyarakat Cina dalam dialog kehidupan masyarakat Melayu Muslim di negeri Terengganu berlaku dalam pelbagai ragam kehidupan manusia misalnya perkongsian aktiviti keagamaan, pendidikan, memahami budaya, pergaulan, sambutan perayaan, ziarah dan tinggal bersama. Penglibatan dalam aneka masyarakat Cina dalam budaya dan agama masyarakat Islam adalah kerana rasa ingin tahu (*curiosity & wonder*) secara lebih dekat. Ninin Kholida dalam kajiannya menjelaskan bahawa pengalaman Saudara Baru pra konversi mengkaji agama lain

---

<sup>190</sup> Rohaty Mohd Majzub, "Polarisasi dalam Situasi Pembelajaran", 505-506.

kerana perasaan ingin tahu tentang hal-hal yang sebelumnya tidak difikirkan atau dianggap biasa.<sup>191</sup> Rasa ingin tahu ini juga merupakan salah satu peranan intelektual iaitu menunjukkan minat untuk mengetahui, memahami secara lebih dalam tentang fenomena yang berlaku dalam sesebuah agama. Dialog kehidupan yang berlaku dalam komuniti Cina pra konversi memaparkan hubungan yang diasaskan kepada perkenalan dengan rakan dan masyarakat Muslim. Pergaulan ini selanjutnya mendedahkan komuniti ini tentang budaya dan agama masyarakat Melayu Muslim pada peringkat akar umbi. Dalam perihal ini, Suraya Sintang menjelaskan bahawa dialog kehidupan yang berlangsung antara Non-Muslim dan Muslim bersifat *lita'ārafu* yang dinyatakan dalam sūrah al-Hujurāt ayat 13 yang adalah bertujuan membina dan memupuk situasi damai dan harmonis.<sup>192</sup> Biarpun begitu, pengalaman dialog kehidupan pada berlaku dalam kalangan komuniti Cina pra konversi di negeri Terengganu agak berbeza dengan dapatan kajian yang diperolehi oleh Suraya Sintang di Sabah.

### **3.13 Konversi Agama Islam Dalam Konteks Negeri Terengganu**

Detik permulaan seseorang itu menjadi Muslim ialah dengan mengucap kalimah *syahadah*. Ini bermakna individu tersebut perlu melalui hidupnya sebagai seorang Muslim dengan pemikiran yang baru (*Islamic paradigm shift*) dalam erti kata merujuk Islam sebagai landasan kehidupan. Dalam konteks pemeluk agama Islam di negeri Terengganu, ianya diperuntukkan di bawah Bahagian VIII dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M, perihal Memeluk Agama Islam. Di bawah seksyen 91 dan 92 enakmen negeri Terengganu, penggunaan istilah *mualaf* (Saudara Baru) tertakluk sebagaimana berikut:

---

<sup>191</sup> *Ibid.*, 92.

<sup>192</sup> Suraya Sintang, "Peranan Dialog Kehidupan", 174.

i. 91.(1) Kehendak berikut hendaklah dipatuhi bagi pemeluk sah agama Islam seseorang:

(a) Orang itu mestilah mengucap dua kalimah Syahadah dalam bahasa Arab secara munasabah yang jelas;

(b) Pada masa dia mengucap dua kalimah Syahadah itu, orang itu mestilah sedar bahawa kalimat itu bermakna “Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad SAW ialah pesuruh Allah; dan

c) Pengucapan itu mestilah dibuat dengan kerelaan hati orang itu sendiri.

ii. 92. Seseorang itu memeluk agama Islam dan menjadi orang Islam sebaik-baik sahaja dia habis mengucap dua kalimah syahadah dengan syarat bahawa kehendak-kehendak seksyen 21 adalah dipenuhi; dan orang itu selepas itu disebut sebagai *mualaf*<sup>193</sup>.

Oleh itu berdasarkan enakmen ini juga, mualaf hanya diklasifikasikan kepada seseorang yang melakukan penukaran agama lain kepada Islam dengan rela hati. Setelah melakukan konversi agama Islam, gelaran *mualaf* melayakkan seseorang itu menerima agihan zakat sebagaimana yang diperuntukkan oleh Draf Akta Zakat Negeri Terengganu (2004). Antara lain Draf Akta Zakat ini menyebut mualaf merupakan seorang yang baru memeluk agama Islam, diperakui oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) Terengganu, memerlukan bimbingan, memeluk agama Islam dalam tempoh

---

<sup>193</sup> Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu, (2001), 62.

5 tahun dan mana-mana pemimpin masyarakat yang berkecenderungan untuk mendalami agama Islam.<sup>194</sup>

Dalam konteks di negeri Terengganu, tanggungjawab seseorang mualaf terhadap agamanya adalah seperti mana komuniti Muslim yang lain. Pendek kata, perjalanan sebagai individu Muslim bermula setelah seseorang itu melakukan pendaftaran sebagai mualaf. Butiran seperti tarikh pemeluk, nama Islam dan alamat tempat tinggal akan direkodkan oleh pihak pendaftar. Selanjutnya, berdasarkan perkara 97 (1) menjelaskan bahawa seseorang yang didaftarkan sebagai *mualaf* boleh diperakui agama Islamnya di mana-mana di Malaysia. Ini dijelaskan seperti berikut:

97 (1) Seseorang yang telah memeluk Islam dan pemeluk agama Islam itu telah didaftarkan dalam Daftar Mualaf hendaklah, bagi maksud mana undang-undang Persekutuan atau Negeri, dan selama-lamanya diperlakukan sebagai orang Islam.<sup>195</sup>

Selain daripada itu, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (2001) memperuntukkan syarat-syarat khusus bagi individu yang ingin memeluk agama Islam. Antaranya mestilah sudah mencapai umur lapan belas tahun atau mendapat keizinan penjaganya sekiranya masih belum mencapai umur tersebut.<sup>196</sup> Berdasarkan Draf Akta Zakat Negeri Terengganu (2004), dapat dijelaskan bahawa tempoh seseorang itu dikenali atau dipanggil sebagai mualaf hanya diakui selama lima tahun atau bergantung kepada tahap pemahaman mereka terhadap agama Islam. Pada tempoh tersebut, setiap mualaf layak menerima bantuan zakat daripada pihak Majlis Agama Islam Negeri Terengganu. Walaupun undang-undang di negeri Terengganu

---

<sup>194</sup> Draf Akta Zakat Negeri Terengganu, (2004).

<sup>195</sup> Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu, (2001), 62.

<sup>196</sup> *Ibid.*, 65.



memperuntukkan penggunaan istilah mualaf boleh diguna pakai sekurang-kurang 5 tahun sahaja, namun panggilan mualaf ke atas kelompok yang telah lama memeluk agama Islam sering kali telah menimbulkan stereotaip yang negatif antara komuniti Muslim asal dan pemeluk agama Islam (*Muslim Converts*). Ini menyebabkan wujud titik perbezaan di antara komuniti yang dilahirkan sebagai Muslim dengan kelompok yang menganut agama Islam yang akhirnya menimbulkan permasalahan dalam sosialisasi.

### **3.14 Pengalaman Konversi Agama Islam di Malaysia**

Menurut Osman Chuah, pada peringkat awal pemelukan agama Islam yang berlaku dalam kalangan masyarakat Cina dan India pada zaman penjajahan Inggeris tidak begitu menggalakkan. Demografi masyarakat Cina dan India hidup terpisah dengan masyarakat Muslim menyebabkan apa-apa yang berkaitan dengan agama Islam dan masyarakat Muslim adalah dianggap begitu asing. Kebanyakan masyarakat Melayu Muslim tinggal di kampung-kampung, masyarakat Cina tinggal di bandar dan kawasan perlombongan manakala masyarakat India tinggal di estet-estet. Kesannya setiap kelompok agak sukar untuk mengenali antara satu sama lain dan merasa selesa dengan budaya hidup masing-masing.<sup>197</sup> Berdasarkan kepada data-data pemelukan agama Islam yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) menunjukkan bahawa jumlah Saudara Baru dalam kalangan masyarakat Cina dan India di Malaysia sentiasa meningkat selepas kemerdekaan. Menurut Osman Chuah terdapat beberapa faktor yang menggalakkan konversi agama Islam di Malaysia, antaranya proses sosialisasi yang berlaku dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama, peranan badan-badan dakwah Islam dan

---

<sup>197</sup> Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng, *Chinese Muslims in Malaysia*, (Kuala Lumpur: IIUM, 2001), 93.

*Non-Government Organisation* (NGO) yang mempromosi agama Islam kepada komuniti bukan Muslim serta dasar kerajaan yang memberi keistimewaan kepada masyarakat Muslim telah menarik minat komuniti bukan Muslim untuk memeluk agama Islam.<sup>198</sup> Osman Chuah mendapati berlaku pertambahan pemeluk agama Islam dalam kalangan masyarakat Cina begitu ketara di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Selangor. Pertambahan golongan profesional Melayu yang tinggal di bandar-bandar besar yang menyebabkan berlakunya interaksi sosial yang selanjutnya mendorong masyarakat Cina mengenal agama Islam lebih dekat. Tuntasnya, proses sosialisasi yang mengandungi elemen-elemen dialog kehidupan telah meyakinkan mereka untuk menganut agama Islam. Menurut Osman Chuah, masyarakat Cina merupakan golongan yang terbesar melakukan konversi agama Islam di Malaysia. Setelah memeluk agama Islam, Saudara Baru ini akan melakukan penyesuaian semula hidup mereka sebagai seorang Muslim secara berperingkat. Proses interaksi dan hubungan semasa yang berlaku di antara dua komuniti Muslim ini menyebabkan berlakunya asimilasi agak mudah khususnya apabila sebahagian besar Saudara Baru ini berkahwin dengan masyarakat Melayu yang beragama Islam.<sup>199</sup>

Selanjutnya konversi agama di Malaysia memperlihatkan dua bentuk pola hubungan dalam kehidupan seharian yang dilalui oleh masyarakat Cina Muslim iaitu hubungannya dengan keluarga asal dan hubungannya dengan masyarakat Muslim. Kerap kali hubungan masyarakat Muslim baru ini digamit oleh pelbagai permasalahan seperti krisis identiti, kecelaruan, tekanan dan prejudis. Wang membayangkan bahawa agak sukar masyarakat Cina Muslim di Malaysia mengekalkan budaya hidup sekiranya

---

<sup>198</sup> *Ibid.*, 102.

<sup>199</sup> *Ibid.*, 9.

Saudara Baru dipinggirkan dan dianggap masyarakat kelas kedua.<sup>200</sup> Mohd Syukri Yeoh dan Osman Abdullah menjelaskan bahawa masyarakat yang melakukan konversi agama Islam memerlukan perhatian dalam aspek penghayatan agama. Sebahagian Saudara Baru ini agak lemah dalam penghayatan agama khususnya dalam isu-isu yang berlegar tentang hukum hakam dan tanggungjawab seharian.<sup>201</sup> Menurut Mohd Zaid pula, lebih malang lagi sebahagian Saudara Baru ini kembali semula kepada ajaran asal ekoran kekecewaannya terhadap layanan yang diberikan oleh badan-badan dakwah dan masyarakat Islam.<sup>202</sup> Masalah-masalah di atas menggambarkan situasi yang dihadapi oleh Saudara Baru setelah memeluk agama Islam ekoran kurangnya perhatian oleh masyarakat. Justeru itu dialog kehidupan berhikmah dengan tunjuk ajar yang baik dapat menjamin kelangsungan kehidupan beragama Saudara Baru dengan lebih aman dan rahmat. Sebagai strategi alternatif, aktiviti dengan melonggarkan keegoan diri (*self regulatory*) seperti melakukan kunjungan ziarah, gotong royong, sambutan perayaan mampu merapatkan jurang pemisahan budaya antara dua etnik yang menganut agama yang sama.

### **3.15 Faktor Berlakunya Konversi Agama**

Berdasarkan temu bual yang dijalankan ke atas 20 orang responden, faktor-faktor pemilihan agama Islam adalah sebagaimana pada jadual 3.1 di bawah:

---

<sup>200</sup> Wang, Rosey Ma, "Ethnicization of Islam in Malaysia and Its Effect On The Malaysian Chinese Muslims", *First International Conference of The Asian Philosophical Association. The Vision of The Asian Community, Istanbul, Turkey, (29 September – 2 Oktober).*, 292-4.

<sup>201</sup> Mohd Syukri Yeoh & Osman Abdullah, "The Problem of Mu'allaf in Malaysia". *Jurnal Islamiyyat* Jil.24, (2003), 66.

<sup>202</sup> Mohd Zaid Mohd Zain, "Kesan Pengajaran Dan Pendidikan Agama Di Kalangan Saudara Baru: Kajian di PERKIM Negeri Sembilan", (Disertasi Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004) 198.

Jadual 3.3: Faktor Berlakunya Konversi Agama

<b>Faktor</b>	<b>Jumlah</b>
Pergaulan	7
Pembacaan & Pengkajian	5
Perkahwinan	4
Hidayah	3
Dorongan Dari Keluarga Yang Telah Islam	1

Sumber: Temu Bual 2012.

Bagi mendapat gambaran yang lebih terperinci, dijelaskan faktor-faktor yang mendorong responden melakukan konversi agama Islam. Antaranya:

### **3.15.1 Pergaulan Dengan Komuniti Melayu Muslim.**

Menurut Norhana, pengalaman pergaulan di kampung atau di sekolah telah membuka ruang kepada masyarakat Cina untuk mengenal lebih dekat budaya hidup dan agama masyarakat Melayu Muslim.<sup>203</sup> Dalam hubungan ini, Jalaluddin menyatakan bahawa berlaku pemelukan agama kerana faktor hubungan sosial seperti pergaulan dan pengaruh kebiasaan yang bersifat ritual. Pengalaman menghadiri upacara keagamaan dan ritual masyarakat atau perkumpulan sosial mendedahkan kepada pelbagai bentuk cara hidup dalam beragama.<sup>204</sup> Bagi mendekati fenomena ini secara produktif dan efektif, dapatan temu bual dengan masyarakat Cina Muslim Terengganu menceritakan sebagaimana transkrip berikut:

“Sebab masuk Islam, sebab kita duduk dalam kampung, [bergaul dengan budak Melayu], duduk Lorong Jamil dekat Pasar Payang..tidak berkawan dengan budak Cina..kebanyakan tubit (keluar masuk) dengan budak-budak sebelah rumah. Dia sama umur juga dengan saya.. Jadi kita banyak pergi rumah dia, kan kita pergi tengok keadaan keluarga dia.. brodong (berkawan) hari tulah”<sup>205</sup>

<sup>203</sup> Norhana Ng Abdullah, (Pengerusi Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dan MACMA Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12. Mac 2012.

<sup>204</sup> Jalaluddin Rahmat, *Psikologi Agama sebuah pengantar*, (Mizan: Jakarta, 2003), 262-5.

<sup>205</sup> Resp # 08 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

“Faktor yang menyebabkan saya masuk Islam ni kerana [pergaulan dalam kalangan masyarakat Melayu], tempat lahir pun di kawasan ramai orang Melayu. Biasalah bergaul dengan orang Melayu, jiran saya dekat sana pun orang Melayu. Cina tidak ramai masa tu”.<sup>206</sup>

“Saya masuk Islam waktu sekolah, saya duduk di Kampung Ladang, saya [berkawan dengan orang Melayu] jadi niat tuu memang nak masuk Islamlah..belajar senyap-senyap dengan orang Melayu”.<sup>207</sup>

“Saya bekerja dekat Somei di Gong Badak, kebanyakan pekerja kat situ orang Melayu Islam. [Jadi setiap hari kita berkawan dengan orang Melayu kan]. Jadi pada bulan puasa saya pun turut berpuasa jugak walaupun belum Islam lagi.”<sup>208</sup>

“Saya masuk Islam kerana pengaruh daripada kawan dan persekitaran, dulu saya duduk kat asrama kan, masa belajar dulu, jadi kat asrama [kebanyakannya kawan-kawan berbangsa Melayu]. jadi saya tengok dari situ akhlak mereka tu baik, tutup aurat.. sukalah sebab Islam ni kan dia jagakan, tengok cara sembahyang. Masa tuu saya ambil diploma *nursing* dekat Kajang”.<sup>209</sup>

“Saya bergaul dengan orang Melayu....dulu saya kerja dekat *The Store*, saya [ramai kawan-kawan Melayu]..rasa tertarik dengan agama dia orang”.<sup>210</sup>

“Masa dulu kecik-kecik saya belajar sekolah kebangsaan saya belajar dengan budak Melayu ikutlah, zaman dahulukan ustaz ajar ramai-ramai ikutlah .. boleh lah masuk sikit-sikit.. bila masuk sikit nak masuk Islam...masa tu kecik lagi tak tau mende lagi sampai sekolah menengah saya kawan dengan budak Melayu..sekolah Chung Hwa.. [tapi saya kawan dengan orang Melayu sebab masa kecik-kecik saya kawan dengan orang Melayu]. Saya dok kawang dengan budak Cina sebab dia cakap Mandarin dan saya dok pandai cakap Mandarin sebab saya sekolah Melayu”.<sup>211</sup>

Jelasnya, pertembungan antara budaya khususnya melalui pengalaman tinggal bersama di perkampungan Melayu Muslim dan bergaul dengan rakan Muslim membuka ruang yang luas kepada masyarakat Cina terlibat meneroka kehidupan masyarakat Muslim. Pengalaman pergaulan dengan rakan Melayu Muslim disebabkan responden agak

---

<sup>206</sup> Resp # 17 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

<sup>207</sup> Resp # 12 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

<sup>208</sup> Resp # 16 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

<sup>209</sup> Resp # 18 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 8 Disember 2012.

<sup>210</sup> Resp # 02 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 10 Oktober 2012.

<sup>211</sup> Resp # 13 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

terbatas untuk mencari teman-teman sebangsa. Hubungan yang rapat dengan masyarakat Melayu ini bukan sahaja berlaku di kampung malahan aktiviti ini berlaku di tempat kerja, misalnya Resp # 02 (Hokkien) menyatakan “saya kerja dekat *The Store*, saya ramai kawan-kawan Melayu” dan Resp # 16 (Kantonis) yang menyatakan “setiap hari kita berkawan dengan orang Melayu”. Jelasnya, faktor hubungan sosial dengan masyarakat Muslim tempatan menjadi pendorong yang kuat untuk melakukan penukaran agama. Berkait dengan ini, Ninin Kholida menyatakan bahawa berada dalam lingkungan teman sebaya yang berbeza agama akan memberikan pengaruh tersendiri bagi subjek dalam mengenal nilai-nilai dan tata perilaku orang lain.<sup>212</sup> Tengku Norhayati menjelaskan bahawa Saudara Baru memeluk Islam kerana tertarik dengan kehidupan orang Melayu Muslim yang saling bantu membantu, mengamalkan konsep bekerjasama, bersikap harmoni, bergotong royong, dan kenduri-kendara.<sup>213</sup> Nilai perpaduan yang wujud dalam kehidupan masyarakat Muslim memberi pengaruh yang besar kepada komuniti bukan Muslim.<sup>214</sup> Rakan Muslim mempamerkan nilai-nilai murni agama Islam mendorong rakan bukan Muslim meneroka lebih dalam tentang agama Islam. Justeru, pengkajian terhadap ajaran agama melalui aktiviti bersama akan memudahkan proses belajar dan menghayati agama tersebut.<sup>215</sup> Mengambil kira daripada dapatan temu bual dan kenyataan di atas, dapat dinyatakan bahawa nilai-nilai akhlak dan keutuhan sistem keluarga yang wujud dalam kehidupan masyarakat Muslim mendorong masyarakat Cina di negeri Terengganu untuk melakukan konversi agama. Pemerhatian semasa pergaulan dengan rakan-rakan yang berlainan agama membuka ruang kepada

---

<sup>212</sup> Ninin Kholida, ‘Proses Pencarian Identitas Diri Pada Remaja Muallaf’, (Tesis Sarjana Universitas Diponegoro, 2007), 102.

<sup>213</sup> Tengku Norhayati Tengku Hamzah, ‘Saudara Baru di Kelantan: Suatu Kajian Mengenai Dorongan dan Cabaran Di Kota Bharu, Kelantan’, (Disertasi Sarjana Universiti Malaya, 2006), 8.

<sup>214</sup> Sulaiman Dufford, *Liku-Liku Pencarian Nur Islam: Pengalaman Memeluk Islam Di Barat*, Terj. Noresah Baharom, *Conversion Journey: On Becoming Muslim In The West*, (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara, 2010), 1-3.

<sup>215</sup> Ninin Kholida, ‘Proses Pencarian Identitas Diri Pada Remaja Muallaf’, 105

masyarakat Cina untuk memahami dan mengenali serba sedikit hal ehwal agama Islam. Lebih jauh lagi, pergaulan dengan masyarakat Melayu mendorong kepada masyarakat Cina untuk melakukan perkahwinan campur. Dalam kata lain faktor pergaulan dan perkahwinan campur dilihat begitu berkait di antara satu sama lain.

### **3.15.2. Pembacaan dan Pengkajian**

Jalaluddin menyatakan bahawa senario pendidikan yang merangkumi sistem dan silibus yang diberikan kepada seseorang dan interaksi dengan ilmu pengetahuan memberi pengaruh tersendiri terhadap berlakunya konversi agama.<sup>216</sup> Kesempatan mengikuti pelajaran agama Islam memungkinkan pelajar bukan Muslim mengetahui beberapa konsep asas dalam agama Islam. Justeru, Mohd Sufri menyatakan bahawa dalam konteks pengislaman Saudara Baru di negeri Terengganu, ramai daripada komuniti Cina yang memeluk agama Islam disebabkan keinginan mereka untuk mengkaji tentang agama Islam.<sup>217</sup> Dapatan-dapatan daripada temu bual yang dijalankan menjelaskan sebagaimana berikut:

“Sebabnya... masuk Islam no satu saya dari dulu dari kecil asasnya ... tok saya dah ajar ajaran-ajaran Buddha... [pula saya ni jenis suka, selidik], kaji, tengok contohnya sejarah macam mana Buddha daripada anak raja dia boleh lari dan menjadi seorang ahli betapa .. dari ahli betapa tuu, dia mencari kebenaran hidup, daripada dia tengok orang tua, orang sakit, orang mati dan dari seorang pendeta daripada tu dia kata ... ai hidup ni ada manusia-manusia yang jenis macam ni... ada sakit, ada apa.. sebab dia daripada kecil lagi ia dihalang oleh keluarga dia daripada melihat mende-mende ni. Sebab dia bakal pengganti raja, kerana itu dia lari meninggalkan istana dan dia menjadi seorang betapa dan seterusnya dia mencapai peringkat keBuddhaan atau mencapai peringkat keburan... Daripada tuu, [sekolah saya campur dengan orang Melayu

---

<sup>216</sup> Jalaluddin Rahmat, *Psikologi Agama sebuah pengantar*, (Mizan: Jakarta, 2003), 265.

<sup>217</sup> Mohd Sufri Jaafar, (Pegawai Eksekutif PERKIM Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12 April 2012.

daripada darjah satu sampai darjah enam. Saya mendengar cikgu-cikgu mengajar agama dan sebagainya tentang syariat, akidah..akhlak]”.<sup>218</sup>

“[Masa kat sekolahkan..sekolah pula ada ustaz mari mengajar] ..yang peliknya kita suka pergi kelas jawi tak tau kenapa ..orang kata bukan kelas awak..awak pergilah kelas moral. Saya tengok orang Islam lain orang Cina lain”.<sup>219</sup>

Tertarik dengan cara-cara belajar (tentang agama Islam), [saya suka belajar .. jadi masuk Islam tu banyak mende yang kita nak belajar..]”.<sup>220</sup>

Berdasarkan transkrip di atas, didapati walaupun wujud dalam kalangan komuniti Cina merupakan individu yang cukup memahami begitu mendalam pengajaran agama asal malah merupakan tokoh yang berperanan dalam institusi agama tersebut, ternyata dorongan untuk mencari kebenaran dalam beragama tidak pernah padam. Justeru itu, boleh dikatakan bahawa faktor pengkajian menjadi titik tolak komuniti Cina terlibat secara langsung dalam dialog keagamaan. Pengalaman turut serta dalam kelas pengajian agama Islam seperti bertanya kepada ustaz menunjukkan wujud rasa ingin tahu masyarakat Cina terhadap fenomena-fenomena dalam agama Islam. Pengkajian merangkumi aspek yang luas, antaranya mengkaji tentang konsep-konsep agama Islam, tingkah laku komuniti Muslim dan amalan-amalan rutin yang dilakukan oleh seorang Muslim. Satu faktor yang agak sukar ditemui ialah ada dalam kalangan masyarakat Cina yang melakukan perpindahan agama kerana keinginan menyahut cabaran untuk menukar agama Islam. Bertitik tolak daripada motif untuk ‘menyahut cabaran’ akhirnya ianya bertukar kepada pengkajian secara perbandingan terhadap agama. Temu bual ini menjelaskan sebagaimana berikut:

“Saya masuk Islam [pada mulanya saya sambut cabaran] ... saya ni pantang dicabar.. oleh kerana saya ini kuat dalam Buddha maknanya

---

<sup>218</sup> Resp # 06 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis , 14. November 2012.

<sup>219</sup> Resp # 14 (Hailam), dalam temu bual dengan penulis, 25 November 2012.

<sup>220</sup> Resp # 06 (Kantonis), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.



sekitar kampung saya tu tentang Buddha dia tanya saya lah.. Kemudian kawan saya cabar dengan katanya “mende lain kamu berani buat cuma satu je kamu tidak berani , awak dok (tidak) berani tukar agama, awak dok berani masuk Islam” . saya fikir-fikir kenapa dia cabar macam ni ..[saya fikir-fikir lebih kurang dalam Buddha saya tahu lah .. saya fikir-fikir dalam Buddha ni tak ada maksud matlamat Tuhan di mana?].<sup>221</sup>

Pun begitu, didapati dalam kalangan masyarakat Cina yang mengambil masa yang agak lama untuk melakukan konversi agama kerana proses ini menuntut pengorbanan yang sangat besar. Pemahaman agama orang lain melalui pembacaan, bertanya kepada ustaz, melihat masyarakat Muslim melaksanakan amal ibadah dan melakukan perbandingan agama merupakan satu penelitian intelektual yang tinggi. Ninin Kholida menyatakan bahawa konversi agama yang berakar umbi kajian intelektual ini hanya sedikit dijumpai dan ianya tidak dipengaruhi oleh tekanan luaran yang memaksa individu untuk mengakui keyakinan yang baru.<sup>222</sup> Dalam konteks ini juga didapati berlaku interaksi agama secara tidak formal apabila masyarakat Cina bertanya atau melibatkan diri dalam urusan agama komuniti Muslim secara ilmiah khususnya di sekolah-sekolah. Justeru, masyarakat yang berada dalam lingkungan sekolah, termasuk guru dan rakan-rakan memainkan peranan yang besar memberi dorongan kepada konversi agama.

### **3.15.3 Perkahwinan**

Selain itu, kebanyakan komuniti Cina memeluk agama Islam kerana ingin berkahwin dengan pasangannya yang berbangsa Melayu Muslim. Wanita-wanita Cina yang mempunyai teman lelaki dari bangsa Melayu Muslim mengambil keputusan untuk

---

<sup>221</sup> Resp # 10 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 21 November 2012.

<sup>222</sup> Ninin Kholida Mulyono, “Proses Pencarian Identitas Diri Pada Remaja Muallaf”, 55.

menukar agama atas dasar cinta.<sup>223</sup> Dengan demikian, ikatan emosional yang lebih mendalam dan intim dengan pasangan yang beragama Islam membuka kesedaran untuk melakukan konversi agama. Berdasarkan transkrip temu bual yang dijalankan adalah sebagaimana berikut:

“Bila dengar nak masuk Islam tu.. mak ayah bisinglah..terutamanya mak..sampai menangis-nangislah. Masa tu Nurul bagi tahu nak masuk Islam [sebab nak kahwin dengan orang Melayu]. Lepas tu, lepas mak tidak boleh terima, Nurul duduk rumah kawan Melayu... sampailah ayah pujuk balik.. suruh masuk Buddha balik”.<sup>224</sup>

“[Sebab nak berkawan (berkahwin) dengan orang Islam], saya ada satu kawan, dia ada *problem*, dia mengadu macam, saya kawan dia lebih kurang 10 tahun, dia ada masalah, *so* I cakap kita boleh jadi kawan, lepas tu dia kata saya bukan Islam.. *so* mula-mula kita nak tolong dia kita jadi Islam dululah .. *so* mula-mula saya pergi pejabat agama saya kata saya mahu jadi Islam .. lepas tu, orang kata u betul ke u main-main, I cakap .. betullah, lepas tu dia cakap ... saya langsung tak tau nak cakap *asyahadualla*”.<sup>225</sup>

“Saya jumpa suami saya, dulu kawan sajalah tak fikir nak masuk Islam, dia cakap dia Islam saya Cina tak mungkin boleh samalah ..kawan biasa okla.. dia pun tak paksa saya kahwin dengan dia. Lepas kenal dia 3 tahun [dia ajak saya kahwin’, saya kata tak nak lah saya tak fikir nak masuk Islam, saya Cina, saya Buddha dan saya ada anak ..tapi saya sudah cerai. Lepas 3 *years again* dia tanya saya nak kahwin, saya cakap tak naklah, takutlah ..sebab saya belum ada niat untuk masuk Islam”.<sup>226</sup>

“Sebab masuk Islam [saya nak kahwin dengan orang Islam], saya suka perempuan Melayu, dia tak sama dengan Cina”.<sup>227</sup>

Pendek kata, dorongan untuk mendirikan rumah tangga dengan pasangan dari etnik lain merupakan faktor yang kuat dalam kalangan masyarakat Cina melakukan penukaran agama. Mengambil kira pengamalan di Malaysia yang tidak membenarkan perkahwinan silang agama dengan pasangan Muslim, masyarakat Cina yang ingin berkahwin dengan

---

<sup>223</sup> Norhana Ng Abdullah, (Pengerusi Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dan MACMA Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12. Mac 2012

<sup>224</sup> Resp # 01 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 9 Oktober 2012.

<sup>225</sup> Resp # 11 (Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 22 November 2012.

<sup>226</sup> Resp # 15(Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

<sup>227</sup> Resp # 19 (Hakka), dalam temu bual dengan penulis, 15 Disember 2012.

pasangannya yang Muslim tidak mempunyai pilihan melainkan melakukan konversi agama. Kenyataan Resp # 15(Foochow) yang menjelaskan “dia cakap dia Islam saya Cina tak mungkin boleh samalah” memaparkan bahawa konversi agama Islam menjadi pra syarat bagi masyarakat Cina yang ingin berkahwin dengan seorang Muslim. Justeru, tidak hairan dalam kalangan masyarakat Cina yang ingin berkahwin dengan pasangan Muslim hanya mempunyai pengetahuan yang sangat terbatas tentang agama Islam. Resp # 11 (Foochow) mengambil keputusan memeluk agama Islam kerana ingin berkahwin dengan lelaki Melayu Muslim setelah 10 tahun berkenalan. Sewaktu memeluk agama Islam, beliau hanya mengetahui sedikit sahaja tentang agama Islam. Antaranya beliau menyatakan “Saya tahu dalam Islam hanya takleh (tidak boleh) makan khinzir sahaja...”. Lantaran itu, Joy Lam menyatakan bahawa penukaran agama kerana ingin berkahwin dengan seorang Muslim menyebabkan kadangkala mereka tidak mengamalkan agama dengan baik. Ini bermakna pasangan Saudara Baru perlu mengambil peranan yang besar bagi menerangkan nilai-nilai agama Islam yang sewajarnya bagi memastikan pasangannya menjadi seorang Muslim yang taat.<sup>228</sup> Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Joy Lam dan melalui sesi temu bual yang telah dilakukan, penulis mendapati dalam kalangan masyarakat Cina mengambil tempoh yang agak panjang untuk memulakan pengajian tentang agama Islam walaupun telah lama menganut agama tersebut. Ini dijelaskan sebagaimana dalam temu bual berikut:

“Kalau kiranya [masuk Islam lama dah] tapi tak ambik iktibar molek, kelas pun baru masuk bulan ni. Kalau ikut saya masuk Islam tahun 1987 tapi saya dak (tidak) belajar mana”.<sup>229</sup>

---

<sup>228</sup> Lam, Joy, *Religious Conversion and Reconstruction of Identities: The Case of Chinese Muslim Converts in Malaysia*, 57.

<sup>229</sup> Resp # 20 (Hokkien), dalam dalam temu bual dengan penulis, 15 Disember 2012.

Malah didapati dalam kalangan masyarakat Cina di negeri Terengganu tidak memikirkan atau merancang untuk memilih agama Islam misalnya responden menyatakan “dulu kawan sajarah [tak fikir nak masuk Islam]”.<sup>230</sup> Ini menunjukkan tempoh lama memeluk agama Islam bukan jaminan bagi Saudara Baru memahami dan mengamalkan agama Islam dengan baik. Dalam kata lain, komuniti Cina Muslim menerima hidayah selanjutnya untuk menghayati dan mendalami nilai-nilai agama Islam dengan mengikuti kelas agama yang dianjurkan oleh pihak Pejabat Agama. Berbeza dengan pemeluk yang diasaskan kepada keyakinan yang bersungguh-sungguh memperlihatkan pelakunya memberi komitmen yang kuat terhadap suruhan dan larangan yang dianjurkan oleh agama. Justeru itu, tidak menghairankan dalam kalangan pemeluk agama baru ini, kadang kala penghayatan dan pegangan mereka terhadap agama lebih teguh berbanding dengan penganut asal. Malah mereka berperanan yang sebagai penggerak, pendakwah atau penyebar agama baru yang disegani.

#### **3.15.4 Hidayah Melalui Mimpi**

Selain daripada itu, wujud dalam kalangan Saudara Baru Cina memeluk agama Islam kerana faktor-faktor yang ‘luar biasa’ seperti bermimpi tentang perkara-perkara yang berkaitan agama Islam atau mendengar suara azan. Norhana Ng menjelaskan bahawa seorang Cina yang bersikap negatif terhadap ajaran Islam akhirnya memeluk agama ini pada lewat usia kerana faktor hidayah daripada Allah.<sup>231</sup> Kelazimannya Saudara Baru yang menerima agama Islam kerana hidayah dari Ilahi mengikuti syariat Allah dengan

---

<sup>230</sup> Resp # 15(Foochow), dalam temu bual dengan penulis, 6 Disember 2012.

<sup>231</sup> Norhana Ng Abdullah, (Pengerusi Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dan MACMA Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 12. Mac 2012.

rela hati dan penuh keikhlasan.<sup>232</sup> Jalaluddin menyatakan bahawa adanya petunjuk dari yang Maha Kuasa terhadap seseorang menerima kepercayaan yang baru dengan penyerahan jiwa sepenuhnya.<sup>233</sup> Melalui temu bual dengan para responden Cina Muslim, pengalaman ini diceritakan sebagai mana berikut:

“[Dapat petunjuk dari Allah pada usia 12 tahun lagi dalam mimpi], lepas tu minta tangguh dengan tuhan, “biarlah aku kaji dulu agama aku” dan saya pun buat kajianlah dan pernah gi kursus kat kuil Buddhakan ...Mimpi tu.. kalau orang macam lawak je. Saya tidur di tepi sungai, sungai tu berwarna putih, masa tu memang saya tidak percaya, mana ada sungai warna putih, biasanya sungai airnya memang jernih.. bawah pokok lepas itu marilah orang tua bawa tongkat pakai jubah putih, dia suruh saya mengucap.. lepas itu tiba-tiba saya boleh mengucap.. tiba-tiba saya terkejut tu saya masih lagi boleh mengucap.. terkejut dari tidur. Peristiwa tu berlaku di rumah nenek saya”.<sup>234</sup>

“[Saya mimpi orang tua berjanggut putih].. .. dia kata kenapa mu dok masuk Islam, mu agama Buddha pun mu dok sembahyang..”<sup>235</sup>

“saya duduk kampung tuu kan, ramai orang Melayu kan... [satu hari tu saya dapat mimpi dalam tidurlah...orang Islam tua janggut putih].. koho lame koho dekat.. kita takut ah”.<sup>236</sup>

Faktor hidayah yang secara langsung daripada Allah khususnya melalui mimpi telah mendorong sebahagian masyarakat Cina melakukan penukaran agama. Aspek-aspek mimpi biasanya mengandungi unsur-unsur agama masyarakat Muslim tempatan seperti bertemu dan berdialog dengan orang tua yang berjanggut putih serta memakai jubah putih. Al-Qwidi menyatakan hidayah sebagai faktor ketuhanan (*Divine*) dengan menyatakan “*The word 'conversion' suggests a process of inner personal change, but in*

---

<sup>232</sup> Mudasir Rosder dan Marzuki Musa, “Kefahaman Islam Di Kalangan Saudara Baru (Cina) di Batu Pahat, Johor.”. Dalam Seminar Antarabangsa Budaya dan Pemikiran Antara China dan Malaysia, sidang editor Wan Abd. Hamid Wan Teh (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 587.

<sup>233</sup> Jalaluddin Rahmat, Psikologi Agama sebuah Pengantar, 261.

<sup>234</sup> Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

<sup>235</sup> Resp # 05 (Teochew), dalam temu bual dengan penulis, 13 November 2012.

<sup>236</sup> Resp # 04 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 13 November 2012

*traditional religious contexts such transformations are seen as wholly directed by the divine”.*<sup>237</sup>

Pun begitu, faktor petunjuk dari Allah ini adalah berbeza mengikut pengalaman individu. Mengambil contoh pengalaman Saudara Baru Cina di atas, kelaziman mimpi bertemu orang tua yang berjanggut dengan memakai jubah putih dikaitkan dengan orang alim dalam tradisi masyarakat Melayu. Namun begitu, didapati dalam kalangan masyarakat Cina yang mengambil keputusan untuk melakukan kajian secara mendalam terhadap agama yang sedang dianuti dan agama yang akan dianuti setelah menerima mimpi tersebut. Mengambil contoh pengalaman Resp # 07 (Hokkien), beliau menyatakan bahawa walaupun mendapat petunjuk melalui mimpi pada usia 12 tahun, namun beliau mengambil masa yang agak lama untuk memeluk agama Islam. Resp # 07 (Hokkien) mengambil masa selama 6 tahun untuk melakukan pengkajian bagi mencari kebenaran agama dalam agama Islam dan Buddha. Pengalaman di atas menjelaskan bahawa proses pemeluk agama mengambil masa secara perlahan-lahan bagi membina keyakinan beragama dalam diri.

### **3.15.5 Faktor Dorongan Keluarga**

Dalam kalangan masyarakat Cina yang melakukan konversi agama kerana menerima dorongan yang kuat daripada keluarga yang telah memeluk agama Islam. Kelazimannya apabila ibu bapa memeluk agama Islam, anak-anak yang dalam jagaannya akan turut menganuti agama tersebut. Ini sebagaimana yang dijelaskan:

“Saya memeluk Islam dah belasan tahun, [satu keluarga masuk Islam masa tu saya masih kecil]”<sup>238</sup>

---

<sup>237</sup> Al-Qwidi, M., ‘Understanding The Stages Of Conversion To Islam The Voices Of British Converts’ (Thesis PhD, The University of Leeds, 2002), 42.

“Bila saya nak gi ambil anak saya tuu, anak saya yang gemuk tadi tuu... dia tak nak lepas dengan bekas suami saya ... suami tak terima saya masuk Islam, adik beradik tak terima. [Lepas tu, anak saya pun saya daftar Islam, bekas suami saya tak tahu lagi]”<sup>239</sup>

“Bila masuk Islam ada masalah dengan bekas suami Cina. Dia saman saya dia nak ambil anak, anak seorang masa tu, umur tiga tahun, perempuan, [anak saya ni dia kata tidak cukup umur untuk masuk Islam]”<sup>240</sup>

Menurut Mudasir Rosder dan Marzuki Musa, Saudara Baru memeluk agama Islam kerana faktor ikut-ikutan merupakan antara faktor utama pemelukan agama Islam. Faktor ikut-ikutan berlaku sekiranya orang berpengaruh dalam kalangan mereka memeluk agama Islam. Justeru ianya akan dituruti oleh beberapa orang anggota yang lain.<sup>241</sup> Namun begitu penulis tidak mendapati faktor ikutan menjadi faktor utama masyarakat Cina negeri Terengganu memeluk agama Islam. Didapati hanya segelintir masyarakat Cina di negeri Terengganu melakukan pemelukan agama Islam kerana didorong oleh keluarga atau tingkah laku keluarga yang telah memeluk agama Islam. Bagi pemeluk agama Islam yang menjaga anak yang masih di bawah umur, perihal ini sering kali mendorong keluarga bekas pasangan yang bukan Muslim membawa kes ini hingga ke mahkamah.

Secara keseluruhannya dapat dijelaskan bahawa faktor-faktor konversi agama dalam masyarakat Cina di negeri Terengganu banyak berhubung kait dengan hubungan awal yang telah berlaku dengan masyarakat Muslim sama ada jiran, kawan-kawan di kampung, sekolah atau rakan di tempat kerja. Ini menggambarkan bahawa elemen dialog kehidupan mempunyai peranan yang tersendiri dalam proses pengislaman

---

<sup>238</sup> Resp # 03 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 16 Oktober 2012.

<sup>239</sup> Resp # 04 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 13 November 2012.

<sup>240</sup> Resp # 07 (Hokkien), dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2012.

<sup>241</sup> Mudasir Rosder dan Marzuki Musa, “Kefahaman Islam Di Kalangan Saudara Baru (Cina) di Batu Pahat, Johor”, 588.

masyarakat Cina di negeri Terengganu. Ini berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Mudasir Rosder dan Marzuki Musa yang menyatakan faktor ikut-ikutan menjadi pendorong kepada konversi agama Islam. Pun begitu, kekerapan dan kuantiti terlibat dalam dialog kehidupan bukan jaminan bagi masyarakat Cina melakukan konversi agama dengan cepat. Selain daripada itu, wujud dalam masyarakat Cina yang memeluk agama Islam kerana hidayah yang langsung dari Allah, pengkajian dan faktor dorongan daripada keluarga. Dalam konteks konversi agama Islam dalam kalangan masyarakat Cina di negeri Terengganu, kelompok Hokkien merupakan etnik yang paling ramai memeluk agama Islam. Antara faktor yang mendorong pemeluk agama Islam begitu tinggi dalam kalangan masyarakat Hokkien ialah hubungan yang begitu rapat dengan masyarakat Melayu Muslim. Lantaran begitu fasih memahami adat dan budaya hidup masyarakat tempatan, ianya memperlihatkan bahawa dialog kehidupan masyarakat Cina Hokkien dan Melayu berlaku dengan baik.